

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 177 ● 12 - 18 OGOS 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

Kuala Lumpur kekal bandar raya mesra OKU



PERTUBUHAN Kesihatan Sedunia (WHO) mendapati bahawa 15 peratus daripada penduduk dunia hidup dengan kecacatan atau hilang upaya atau dikenali sebagai Orang Kurang Upaya (OKU).

Sebahagian besar golongan OKU ini akan tinggal di bandar disebabkan kemudahan yang diwujudkan ini memudahkan mereka untuk meneruskan kehidupan.

Seiring kepesatan dan

pembangunan Kuala Lumpur, golongan OKU sering dilibatkan dalam aktiviti sosial sekali gus memastikan mereka tidak dipinggirkan.

Bertepatan dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs),

penyediaan kemudahan OKU dalam setiap rancangan pembangunan di Kuala Lumpur diwajibkan sekali gus menjadikan bandar raya dibangunkan untuk keselesaan semua pihak.

BERSAMBUNG DI MUKA 2

Putrajaya Secret Garden: Bongkar rahsia taman pancawarna

>> 9, 10 & 11



DBKL selamatkan 49 gelandangan >> 4



MAHA 2022: Kurang baka berkualiti punca industri ternak gagal >> 16



Dari hobi jadi bisnes >> 21

UN-Habitat iktiraf peranan Kuala Lumpur jadikan bandar raya rendah karbon

AZLAN ZAMBRY

PROGRAM Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-Habitat) mengiktiraf usaha dan peranan yang telah diambil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam melaksanakan dasar bandar raya rendah karbon sehingga menjadi contoh di peringkat antarabangsa.

Pengarah Eksekutif UN-Habitat, **Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif** yang dalam rangka lawatan rasminya ke Malaysia untuk melihat perkembangan terkini pelaksanaan Agenda Pembangunan Mampan (SDGs) 2030 dan Agenda Perbandaran Baharu (NUA).

Beliau yang melakukan kunjung hormat ke atas Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah menyifatkan DBKL terdedahan dan aktif dalam pelaksanaan Agenda SDGs serta usaha-usaha yang diambil ke arah kemampuan dan rendah karbon telah mendap-

at pengiktirafan dan dikenali di peringkat antarabangsa.

Maimunah turut mengucapkan tahniah kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur di atas komitmen yang ditunjukkan dalam pelaksanaan Agenda Pembangunan Mampan (SDGs) 2030.

Dalam sesi lawatan rasmi ini, Mahadi telah meluangkan masa dan membawa Maimunah melawat di sekitar Kuala Lumpur menaiki EV Bus (Bas GoKL) untuk melihat usaha-usaha yang telah dijalankan oleh DBKL dalam pelaksanaan projek-projek legasi World Urban Forum ke-9 iaitu laluan basikal (*Blue Bicycle Lane*) dan Projek Perumahan Bandar serta pelaksanaan projek-projek SDGs.

Hadir sama dalam lawatan ini, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Persekutuan Mampan) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kamaruzaman Umar.

Lokasi pertama yang dilawati adalah di Linear Park Sungai Bunus di Seksyen 1 Wangsa Maju



MAIMUNAH (tengah) melawat projek Perumahan Bandar yang merupakan salah satu inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) untuk menyediakan perumahan untuk kumpulan sasar.

yang merupakan projek perintis bagi pelaksanaan bandar rendah karbon dengan matlamat menjadikan Wangsa Maju sebagai *Neutral Carbon Growth Center* menjelang tahun 2050.

Seiring dengan pelaksanaan

Selain inisiatif oleh AEON Wangsa Maju, Maimunah juga dibawa ke kios 1 Community 1 Recycling (1C1R) di flat Seksyen 2, Wangsa Maju yang merupakan usaha DBKL ke arah mencapai matlamat bandar rendah karbon yang ditetapkan.

Beliau juga telah dibawa ke Projek Kebun Kejiran Bandar di Perumahan Awam Sri Perlis 2 yang merupakan projek oleh komuniti tempatan dengan usaha sama Local Agenda 21 Kuala Lumpur (LA21KL).

Seterusnya Maimunah juga telah melawat Perumahan Bandar di Jalan Tuanku Abdul Rahman yang merupakan salah satu projek legasi World Urban Forum ke-9 Kuala Lumpur.

Lawatan rasmi beliau berakhir di SDGs Centre Kuala Lumpur yang merupakan pusat rujukan utama yang memaparkan usaha-usaha Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan masyarakat tempatan ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). **WK**

DBKL pastikan bangunan baharu ikut Akta Orang Kurang Upaya 2008

DARI MUKA HADAPAN

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) sentiasa memastikan bandar raya Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan prihatin terhadap keperluan warga Orang Kurang Upaya (OKU) yang merupakan sebahagian daripada warga kota yang perlu diberi perhatian.

Bercakap mengenai perkara tersebut, Menterinya, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata tindakan itu dapat dibuktikan melalui perlaksanaan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang berterusan bagi menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai bandar aksesibiliti dan mobiliti di Malaysia.

“Dalam usaha ini DBKL telah memastikan supaya setiap permohonan pembangunan yang dikemukakan untuk mematuhi Garis Panduan Rekabentuk Bebas Halangan, Garis Panduan Butiran Kemudahan Akses Bagi Orang Kurang Upaya, Garis Panduan Rekabentuk Sejagat di Alam Bina (MS1184:2014) serta Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685).

“Selain itu, pihak DBKL melalui Jabatan Kawalan Bangunan telah melakukan Audit Aksesibiliti Kemudahan OKU terhadap premis-premis awam dan persendirian sedia ada bagi memastikan pematuhan terhadap MS1184:2014



DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengutamakan kemudahan parkir kepada golongan OKU yang menduduki di Projek Perumahan Rakyat (PPR).

oleh pemaju,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Senator Datuk Ras Adiba Mohd Radzi yang meminta kementerian menyatakan apakah tindakan bagi memastikan Wilayah Persekutuan sebagai bandar aksesibiliti dan mobiliti di Malaysia serta adakah DBKL akan meningkatkan dan mengetatkan denda maksima bagi penyalahgunaan kemudahan OKU di ibu kota di Dewan Negara pada Selasa.

Shahidan berkata sehingga Julai 2021 jumlah bangunan yang telah diaudit adalah sebanyak 116 buah yang meliputi bangunan residensi,

bangunan komersil-hotel, Kompleks Perniagaan, Rumah kedai/pejabat serta kemudahan awam bersama bangunan seperti Jejantas Awam, Tempat Letak Kereta Awam, Kompleks Sukan dan Bangunan Sekolah.

Tambahnya, penguatkuasaan juga merupakan salah satu tindakan yang diambil bagi memastikan Wilayah Persekutuan sebagai bandar aksesibiliti dan mobiliti di Kuala Lumpur.

“Setakat ini, bagi kesalahan penyalahgunaan kemudahan OKU di ibu kota, DBKL masih lagi mengekalkan kadar denda yang sama,” katanya. **WK**

Warga asing mungkin dikenakan caj guna bas GoKL

PERKHIDMATAN bas percuma GoKL yang ditanggung oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dimanfaatkan kira-kira 45.2 peratus oleh warga asing.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata menerusi perangkaan tersebut, beliau tidak menolak kemungkinan untuk mencadangkan kepada DBKL bagi mengenakan bayaran terhadap warga asing yang menggunakan perkhidmatan awam tersebut.

“Mereka menggunakan perkhidmatan ini secara percuma. Kalau kita kutip RM1 sahaja untuk setiap penggunaan oleh warga asing ini, kita boleh kutip RM9.2 juta pada setiap bulan,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara Rabu lalu.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Senator Datuk Mohd Hisamudin Yahaya yang ingin tahu jumlah warga asing yang menggunakan perkhidmatan bas percuma GoKL dan adakah pihak kerajaan merancang mengenakan caj kepada warga asing yang menggunakan perkhidmatan bas percuma itu pada masa hadapan.

Menjawab soalan tambahan Senator Datuk Dr Dominic Lau Hoe Chai mengenai sikap orang awam yang kurang menggunakan pengangkutan awam di Kuala Lumpur, Jalaluddin menjelaskan di antara sebab utama adalah ketersambungan jajaran ‘first mile’ dan ‘last mile’ yang masih belum memuaskan.

Tambahnya, pengguna jalan raya mendakwa tempoh masa menggunakan kenderaan sendiri adalah lebih singkat berbanding menggunakan pengangkutan awam.

“Laluan first mile antara kediaman pergi ke tempat bermula pengangkutan awam dan ke hentian akhir stesen pengangkutan awam ke pejabat, ini yang kita kena naik taraf dan dimasukkan dalam pelan jangka panjang DBKL,” katanya.

Pengerusi Task Force Kesesakan Lalu Lintas Kuala Lumpur itu berkata pihaknya telah mengenal pasti 85 hot spot serta 11 perkara yang menyumbang kepada kesesakan lalu lintas di bandar raya dan telah menempatkan kawalan penguatkuasaan secara bersama pada waktu puncak di jalan-jalan utama iaitu 72 lokasi di bawah PDRM manakala 13 lokasi di bawah Warden Trafik DBKL,” katanya. **WK**



JALALUDDIN

MyGrocer@Wilayah bantu penduduk kurangkan kos sara hidup

KWP peruntuk subsidi RM 581,000

KEMENTERIAN Persekutuan memperuntukkan sebanyak RM581,000 sebulan melalui Program Jualan Rakyat *MyGrocer@Wilayah* bagi membantu warga kota menghadapi kos sara hidup yang meningkat.

Menterinya, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata program yang diadakan satu kali seminggu itu akan menjual barang makanan di bawah harga pasaran melalui penyediaan jualan ayam dan telur ayam dengan pembeian subsidi.

"KWP memberikan kadar subsidi bersasar sebanyak RM3 bagi pembelian seekor ayam (*Super*) manakala RM0.50 subsidi bagi 10 biji telur ayam.

"Pemberian subsidi ini akan memanfaatkan seramai 147,000 penduduk yang tinggal di 61 Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di Kuala Lumpur," katanya.



SHAHIDAN

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Senator Datuk Mohd Hisamudin Yahaya mengenai usaha KWP dalam meringankan beban kos sara hidup rakyat yang semakin tinggi di bandar raya pada sesi Jawab Lisan Dewan Negara, baru-baru ini.

Menurut Shahidan, sejak diperkenalkan pada 14 Julai sehingga 5 Ogos lalu, seramai 63,296 penerima manfaat telah menikmati subsidi ayam segar dan telur ayam di Kuala Lumpur dengan nilai subsidi yang telah dibayarkan oleh KWP sebanyak RM221,536.

Katanya, pembekal-pembekal di bawah program ini juga menjual barang keperluan asas seperti ikan, daging, sayur-sayuran dan barang makanan kering seperti gula, tepung dan minyak masak dengan kadar lima hingga 20 peratus lebih murah berbanding pasar awam berdekatan kepada penduduk, khususnya di PPR dan PA di Kuala Lumpur tanpa meli-



INISIATIF *MyGrocer@Wilayah* yang menjual barang keperluan asas dengan harga lebih rendah mampu mengurangkan kos sara hidup warga PPR dan PA.

batkan subsidi daripada KWP.

Beliau berkata pelaksanaan Program Jualan Rakyat *MyGrocer@Wilayah* di Labuan dilaksanakan melalui peruncit-peruncit yang telah dikenal pasti oleh Perbadanan Labuan bagi memudahkan pemberian subsidi serta aksesibiliti kepada

kumpulan sasar.

"Pemberian subsidi ini dijangka memanfaatkan seramai 15,000 penduduk di Labuan dan mulai 15 Ogos ini, KWP akan melaksanakan Program Jualan Keluarga Malaysia selaras dengan arahan dan keputusan Jawatankuasa Jihad Menangani

1C1R program kitar semula serampang dua mata bantu warga PPR/PA

PROGRAM 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) merupakan misi serampang dua mata Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mengurangkan beban kos sara hidup khususnya penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA).

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata kemudahan kios 1C1R merupakan inisiatif untuk membangunkan amalan kitar semula dalam kalangan komuniti setempat selain mengurangkan janaan sisa pepejal di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi.

"Program 1C1R ini membolehkan penduduk mendapat ganjaran dalam bentuk barang keperluan asas seperti susu pekat, gula, tepung dan minyak masak serta menukar mata ganjaran bagi setiap barang kitar semula yang dibawa ke kios tersebut.

"Usaha pemberian ganjaran ini juga dapat membantu meringankan beban perbelanjaan penduduk setempat terutama golongan B40 dari sekitar PPR dan PA ibu negara.

"Sebagai contoh, minyak masak terpakai lima kilogram boleh ditukar dengan tiga botol minyak masak satu kilogram baharu dan ini satu usaha yang baik bagi mengelakkannya dibuang sehingga boleh merosakkan saliran dan juga memberi kesan kepada alam sekitar," katanya kepada pemberita selepas pelancaran kios 1C1R di PA Seri Kota pada Selasa.



MAHADI (tengah) meninjau kemudahan yang ada di dalam kios 1C1R bagi memudahkan proses penukaran sisa pepejal dengan ganjaran barang asas.

Hadir sama, Pengurusi SW Corp, Datuk Rizalman Mokhtar dan Pengurusi Berjaya Enviro Parks Sdn Bhd, Zakaria Abdul Hamid.

Menurut Mahadi, DBKL akan memperluaskan kemudahan kios statik berkenaan di kawasan PPR dan PA yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi kerana ia melibatkan janaan sisa pepejal yang sebanyak 2,200 tan metrik sehari dengan kos pengurusan yang mencapai RM300 juta setahun.

"Jika ini dapat dilakukan inisiatif ini boleh mengurangkan bilangan trip untuk penghantaran sisa pepejal ke pusat pelupusan di Bukit Tagar, Hulu Selangor. Jika kita dapat menjimatkan perbelanjaan itu, maka sudah tentu dapat mengurangkan kos serta pelepasan

karbon yang menjadi punca kepada pemanasan global hari ini," katanya.

Inisiatif tersebut dilaksanakan dengan kerjasama syarikat Berjaya Enviro Parks yang akan membantu dari segi pemberian ganjaran bagi program alam sekitar yang dilaksanakan oleh DBKL.

Antara barang kitar semula yang boleh dibawa ke kios 1C1R yang beroperasi dua kali seminggu mengikut jadual yang telah ditetapkan itu ialah tin aluminium, kertas, plastik dan minyak masak terpakai.

Ketika ini kios statik 1C1R telah diwujudkan di beberapa kawasan perumahan awam iaitu PPR Seri Alam di Pudu, PPR Beringin di Jinjang dan PA Seri Kota di Bandar Tun Razak. **WK**



ZAIZALNIZAM (kiri) turut menyampaikan bantuan barang asas kepada penerima Sumbangan Khas YWP, baru-baru ini.

YWP sumbang dana bantu pesakit golongan B40

SELARAS dengan penubuhannya untuk membantu warga kota yang memerlukan, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) telah menyampaikan sumbangan dana kepada salah seorang pesakit yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah (B40), baru-baru ini.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata ia merupakan sebahagian daripada Sumbangan Khas YWP dan pemohon dipilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

"Pemohon merupakan warga emas yang tinggal bersama isteri serta seorang anak berusia 18 tahun di mana dia menghidapi penyakit kencing manis dan darah tinggi. Pendapatan dan kos sara hidupnya hanya bergantung kepada pemberian anak dan Socso."

"Meskipun segala kos perubatan ditanggung oleh pemohon sendiri, YWP telah menyampaikan sumbangan wang tunai dan juga barang asas bagi meringankan beban kos hidup mereka sekeluarga," katanya.

Tambahnya setiap tahun YWP mempunyai peruntukan bagi Sumbangan Khas seperti ini dalam membantu warga kota yang memerlukan sama ada dari segi perubatan maupun pendidikan.

Zaizalnizam berkata selain wang tunai, YWP turut menyampaikan sumbangan barang asas seperti telur, sardin dan biskut.

Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun mewakili Menteri Wilayah Persekutuan yang juga merupakan Pengurusi YWP. **WK**

Inflasi.

"Melalui program ini, penduduk di PPR/PA bakal mendapat manfaat dari jualan murah sebanyak dua kali seminggu, yang bakal dilaksanakan kelak," katanya.

Menurut Shahidan, selain *MyGrocer@Wilayah*, pihaknya turut mengambil inisiatif melaksanakan program *MySchoolBus@Wilayah*, *MyJob@Wilayah*, *MyMedic@Wilayah* dan *MyFood@Wilayah*.

"Di samping itu, KWP dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyediakan kemudahan perumahan untuk sewaan dengan kadar mampu milik melalui program Rumah Majlis (Council Home) serta Rumah Mikro (Micro Housing)," katanya.

Tambahnya, KWP turut mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan program jaringan sosial yang bertujuan meningkatkan pendapatan melalui keusahawanan seperti Program Usahawan Muda Kota dan pemberian lesen perniagaan kecil Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (WBB). **WK**

DBKL selamatkan 49 gelandangan

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyelamatkan seramai 49 lagi gelandangan di sekitar Kuala Lumpur melalui satu operasi bersepadu yang dijalankan baru-baru ini.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata operasi yang dilaksanakan mengambil masa tiga jam membebaskan beberapa agensi penguatkuasaan lain.

"Operasi menyelamat gelandangan yang diadakan secara berkala ini dilihat mampu membantu golongan itu untuk kembali ke landasan kehidupan normal selepas dibawa masuk ke pusat itu untuk menjalani pembentukan kemahiran."

"Latihan yang diberikan ini adalah sebagai persediaan untuk mereka berdikari sekiranya keluar daripada pusat ini kelak," katanya.

pada Ahad lalu.

Menurutnya, kesemua gelandangan yang diselamatkan itu telah menjalani saringan dokumentasi.

Katanya, gelandangan yang berumur 60 tahun ke bawah dibawa ke Pusat Transformasi Gelandangan, Anjung Kelana, Anjung Singgah dan Pusat Serenti Bina Diri (PSBD) Sungai Buloh di bawah kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Terdapat juga gelandangan yang didapati positif ujian air kencing (*urine test*) dan diambil tindakan oleh pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) yang turut serta dalam operasi ini," katanya.

Turut serta dalam operasi ini ialah Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek, Datuk Azmi Abdul Hamid dan Ketua Pengarah JKM, Datuk Sharuddin Abu Sohot. **WK**



DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur mengadakan operasi menyelamat gelandangan secara berkala bagi membantu mereka kembali menjalani kehidupan seperti warga kota yang lain.

Pasang pagar untuk mudahkan kawalan



PEMASANGAN struktur pagar besi di sekeliling kawasan Padang Merbok bagi mudahkan kawalan dan memastikan ia dalam keadaan baik.

PEMASANGAN struktur pagar besi di sekeliling kawasan Padang Merbok Kuala Lumpur bertujuan untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan penjagaan padang bagi memastikan ia sentiasa dalam keadaan yang baik.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata penggunaan padang tanpa kawalan dan sistem teratur sebelum ini mengakibatkan ia sering rosak dan menelan belanja yang tinggi untuk membaik pulih.

"Dengan pagar itu saya yakin penjagaan padang akan lebih sempurna dan terkawal dan sesiapa saja boleh membuat *booking* (tempahan) untuk menggunakan padang.

"Orang nak masuk pun kita boleh uruskan dengan baik, ada giliran, kalau padang tu rosak kita tutup sekejap, baiki dan selenggara sebelum dibuka

balik dan saya rasa ia akan lebih terkawal serta terjamin," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sebagai mengulas tindakan dua Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan, Hannah Yeoh dan Fahmi Fadil yang mempersoal serta meminta penjelasan DBKL berkenaan tindakan mendirikan pagar berstruktur kekal dalam sidang media Sabtu lalu.

Menurut Mahadi, meskipun permasangan struktur tersebut bersifat kekal, orang awam masih dibenarkan menggunakan padang itu dengan kebenaran secara berjadual.

"Ia merupakan pendekatan serupa yang dilaksanakan di beberapa kawasan lain bagi tujuan sama.

"Ketika ini padang berkenna mengalami beberapa masalah melibatkan isu saliran dan ia masih menjalani kerja-kerja naik taraf dan belum dibuka

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambry
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
Khairulwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer6@gmail.com
Sabrina Sabre
sabrinawilayahku@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahwilayahku@gmail.com
Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annur
affandywilayahku@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi
roslee@yayasanwp.org.my

kepada orang ramai," katanya.

Terdahulu Mahadi merasmikan Majlis Penutup dan Perlawanan Akhir Kejohanan Bola Sepak Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) atau DBKL Home Cup 2022 di Stadium Kuala Lumpur. **WK**

CERITA KEDAI KOP

Boon Bee dalam kenangan

KEJAYAAN pemain beregu wanita negara, Pearly Tan dan M Thinnah memenangi pingat emas pada Sukan Komanwel Birmingham serta perseorangan lelaki, Ng Tze Yong, memenangi pingat perak, sangat membanggakan. Kita sama-sama reraikan kejayaan tersebut.

Namun dalam kemeriahannya ini, kawan-kawan Kedai Kopi teringat kepada lagenda badminton negara, Ng Boon Bee, 84, yang meninggal dunia pada 3 Ogos lalu di Ipoh.

Mendiang yang tinggal bersama isteri, Tong Yee Cheng, 85, di Chemor dilaporkan mengalami sakit perut teruk selepas sarapan pagi ketika bersiap sedia untuk memulakan perjalanan bercuti ke Pulau Pinang.

Mendiang kemudian dikejarkan ke sebuah hospital swasta sebelum dipindahkan ke Hospita Raja Permasuri Bainun di mana mendiang menghembuskan nafas terakhir kira-kira pukul 4 petang. Berita kematiannya

menyentuh hati kawan-kawan Kedai Kopi, dan tentunya rakyat Malaysia juga.

Pemergian Boon Bee adalah ibarat padamnya sebutir bintang sukan negara, khususnya dalam arena badminton. Mendiang yang berpasangan dengan Tan Yee Khan, adalah pasangan beregu unggul negara dan di arena antarabangsa. Mendiang membantu negara memenangi Piala Thomas buat kali pertama pada 1967.

Malah Boon Bee adalah ahli sukan serba boleh. Selain cemerlang dalam badminton, mendiang juga pernah menjadi pemain ragbi dan bola sepak. Mendiang mewakili negara dalam Pestabola Merdeka dari 1958 hingga 1961.

Gandingan Boon Bee dan Yee Khan sukar digugat oleh pihak lawan. Kemantapan gandingan tersebut bagai benteng kukuh yang sukar diroboh musuh. Sepanjang berganding bersama, mereka berjaya memenangi pelbagai kejohanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Ketika permulaan era kegemilangan mendiang, kawan-kawan Kedai Kopi masih bersekolah rendah. Kami mengikuti dengan penuh minat perkembangan bintang badminton tersebut, di samping bintang seperti Tan Aik Huang, Yew Cheng Ho dan lain-lain.

Jasa bakti Boon Bee untuk sukan negara, khususnya badminton, amat besar. Mungkin kerajaan boleh memikirkan sesuatu untuk menghargai jasa bintang lagenda ini. Biarlah nama mendiang terus diingati dan terpahat dalam sejarah.

Nasib artis veteran

SEDIH mendengar nasib artis veteran yang dipandang hanya sebelah mata oleh pengaruh pertunjukan atau penerbit filem dan drama apabila menawarkan hanya bayaran 'ciput' untuk artis tersebut apabila diundang menyanyi atau berlakon.

Sebagai peminat artis lama, kawan-kawan Kedai Kopi tumpang sedih. Baru ini penyanyi lagenda pop yeh tahun 60-an, Datuk Jefridin, meluahkan rasa kesal dan terpukul apabila ditawar mengadakan persembahan sejam dengan bayaran hanya RM1,500.

Beliau menolak tawaran itu kerana beranggapan ia merendahkan martabat dirinya sebagai insan yang sudah enam dekad berkecimpung dalam seni. Seolah-olah segala pencapaianannya tidak bermakna dan dihargai.

Pada eranya, namanya Jefridin sebaris dengan Allahyarham A Ramli.

Popularitinya menonjol antara nama M Osman, A Karim Jais, Siti Zaiton, Fatimah M Amin, J Kamisah, Jaafar O, A. Rahman Hassan, A. Rahman Onn dan ramai lagi.

Dengan iringan The Siglap Five, lagunya Seruling Anak Gembala, Peristiwa Di Awang-Awangan, Termenung, Pujaan Terhina dan Kenanganku sentiasa berkumandang di corong radio. Kawan-kawan Kedai Kopi masih hafal lirik lagu-lagu ini.

Sebenarnya rintihan artis lama ini sudah kerap terdengar sebelum ini. Bukan sahaja penyanyi tetapi ramai pelakon veteran popular yang ditawar membintangi filem atau drama dijanjikan bayaran yang tidak menasabah.

Agaknya minda produser berfikir, pelakon otai tentu terima apa sahaja bayaran ditawar, sekurang-kurangnya dapat sedikit duit daripada tidak ada kerja langsung. Bahasa kasarnya hendak ambil, tak hendak sudah!

Oleh itu kawan-kawan Kedai Kopi berharap kepada mana-mana pihak yang hendak menawarkan kerja kepada artis lama, berilah mereka ganjaran setimpal. Malah artis lama sebenarnya wajar sentiasa dihormati kerana pengalaman seni mereka sangat berharga.

DAPATKAN NASKHAH PERCUMA

Lokasi edaran:




Wilayahku juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti Pejabat Kerajaan, Masjid, Surau, 7 Eleven, 99 Speedmart, stesen minyak dan restoran serta lokasi tumpuan orang ramai.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

Wilayah Ku

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



FULL PAGE
26cm X 33cm
RM7,500



HALF PAGE
26cm X 17cm
RM5,500



QUARTER PAGE
12cm X 17cm
RM4,500



PANEL PAGE
[INNER]
26cm X 6cm
RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]



FRONT BANNER
1080px X 96px

RM2,500

MIDDLE BANNER
1080px X 280px

RM2,000

MEDIUM RECTANGULAR
350px X 280px

RM1,500

HALF PAGE

350px X 500px

RM1,000

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)
Operasi & Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,
Presint 2, 62100 Putrajaya

PASARAN kerjaya kini bersiap sedia untuk generasi akan datang, Generasi Z (Gen-Z), yang lahir selepas pertengahan 90-an. Para penyelidik telah merumuskan bahawa gaji lebih tinggi bukanlah faktor paling penting untuk menarik dan mengekalkan kakitangan generasi baharu.

Menurut tinjau selidik nadi COVID-19 terbaharu kendalian Mercer, yang meninjau pendapat lebih daripada 850 majikan di peringkat global, rasa tidak puas hati mengenai gaji dan manfaat, dan kemajuan kerjaya terhad telah muncul sebagai faktor utama bagi kadar pemberhentian kerja yang lebih tinggi.

Ramai bakat baharu bakal menyertai tenaga kerja tidak lama lagi disusuli musim konvoesyen yang bermula di kebanyakan Institusi Pengajian Tinggi di seluruh Malaysia.

Kumpulan graduan tahun ini membawakan perspektif yang unik kepada pasaran kerjaya setelah menempuh pelbagai rintangan untuk belajar sepanjang musim pandemik.

Graduan Sains Alam Sekitar, Damia Munira Bakthiar, yakin bahawa keseimbangan antara kerjaya dan kehidupan sangat penting.

Graduan University of Nottingham Malaysia (UNM) ini berhasrat untuk membina kerjaya di syarikat yang mengamalkan persekitaran kerja yang sihat dan beretika, agar kakitangan serta persekitaran dihormati.

"Saya ingin mencari peluang untuk terus belajar dan berkembang maju, justeru majikan pilihan saya ialah organisasi yang menawarkan peluang membina keupayaan bersama pakar-pakar berpengalaman, disokong oleh kemudahan yang sesuai di tempat kerja untuk menggalakkan perkembangan kerjaya saya," jelas Damia.

Brendan Chew Yiu Cherk, graduan Sarjana Muda (Kepujian) Pengajian Komunikasi Antarabangsa dalam bidang Filem dan Televisyen bersetuju dengan pandangan Damia.



Gaji tinggi bukan faktor terpenting - Gen Z



PELAJAR-PELAJAR Universiti Nottingham Malaysia.

"Saya menghargai majikan dan tempat kerja yang mendorong pertumbuhan dan kemajuan kerjaya yang mantap bagi kakitangannya yang memberi peluang untuk para graduan berkembang maju."

"Ini boleh dilakukan menerusi kursus, peluang membina jaringan, aktiviti bina semangat, program pertukaran, dan sesi maklum balas (dengan tindakan yang sesuai). Ketulusan juga sangat penting," katanya.

Pelajar yang berasal dari Ampang ini percaya bahawa aspek kemanusiaan perlu diberi penekanan di tempat kerja.

"Produktiviti boleh dicapai tanpa perlu menjajaskan kesihatan mental dan kesejahteraan jiwa kakitangan secara keseluruhan," tambah Chew.

Pemegang Ijazah Sarjana Kejuruteraan Mekanikal, Suggensheevan Suthagar, menerangkan bahawa tempat kerja paling sesuai baginya ialah sebuah organisasi yang 'menyediakan peluang pembangunan kerjaya, imbuhan dan manfaat yang baik, dan persekitaran kerja yang memberikan sokongan kepada pekerja.'

Pelajar berusia 24 tahun dari Pulau Pinang ini juga berkata Selain daripada mengambil kira kos sara hidup semasa, faktor-faktor ini, serta peluang pembangunan kerjaya, semuanya memainkan peranan untuk mendorong dan meningkatkan produktiviti kakitangan.

Rakan sekerja yang baik dan stesen kerja yang serba lengkap adalah apa yang dikehendaki oleh pelajar dari Johor, Tan Kang Rui.

Tan menambah bahawa dia berharap majikan juga menghargai dan menyokong kakitangan dalam proses pembelajaran sepanjang hayat, seperti mengikuti pengajian lepasan ijazah. Tan merupakan anak bongsu daripada lima adik beradik yang memperoleh Ijazah Kejuruteraan Awam daripada UNM.

Kejayaan memperolehi ijazah memang patut diraikan. Bagi Debra Wong yang merupakan individu pertama dalam keluarganya yang mendapat

“Sebagai institusi yang memupuk generasi terbaru yang bakal memasuki alam kerjaya, kami mendapati faktor pendorong utama bagi Gen Z ialah keseimbangan antara kerjaya dan kehidupan, bimbingan mentor dan peluang pembangunan profesional.”

pendidikan dan ijazah daripada universiti, pencapaian ini merupakan satu mercu jaya penting.

Gadis yang berasal dari Kuching ini, menerima Ijazah Perhubungan Antarabangsa dengan Bahasa Perancis, percaya tiga ciri penting majikan yang baik ialah empati, tujuan yang jelas dan kebertanggungjawaban.

"Saya berharap dapat bekerja dengan pegawai atasan atau majikan yang meluangkan masa untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi produktiviti saya."

Tambahan pula, saya gembira bekerja dengan majikan yang berhasrat untuk membina hubungan dengan kakitangan, memberikan bimbingan dan juga peluang dan sumber untuk berkembang maju dalam kerjaya.

"Dunia pekerjaan kadang-kala sukar ditempuh, jadi saya berharap untuk mempunyai mentor di tempat kerja yang akan membimbing dan membangunkan keupayaan saya, mengenal pasti kesilapan saya, dan menunjukkan cara yang lebih baik lagi," ujarnya.

Menyedari bahawa setiap tempat kerja mempunyai nilai, visi dan misi tersendiri, Wong menekankan bahawa dia menghargai majikan yang mengamalkan nilai-nilai sendiri dan bertanggungjawab terhadap kerja yang dilakukan mereka.

"Kakitangan akan terdorong untuk mencontohi nilai-nilai tersebut," rumus Wong.

Provos Interim dan Ketua Pegawai Eksekutif UNM, Profesor Sarah Metcalfe, percaya bahawa universiti berperanan untuk mempersiapkan bakat-bakat muda yang mempunyai

pandangan global untuk membina kerjaya yang berdaya saing, meneraju tempat kerja masa depan dan menjana nilai kepada majikan mereka.

"Sebagai institusi yang memupuk generasi terbaru yang bakal memasuki alam kerjaya, kami mendapati faktor pendorong utama bagi Gen Z ialah keseimbangan antara kerjaya dan kehidupan, bimbingan mentor dan peluang pembangunan profesional.

Dalam pada itu, saya menasihatkan agar graduan memberikan yang terbaik di tempat kerja, sentiasa bersikap positif dan menunjukkan daya usaha.

"Bak kata pepatah, 'Usaha tangga kejayaan'. Majikan yang baik diterajui pemimpin yang cemerlang, serta disokong oleh pasukan yang mapan," ujar beliau.

Baru-baru ini, UNM menganjurkan majlis graduasi untuk hampir 3,000 graduan dari Kelas 2020, 2021 dan 2022 dalam majlis graduasi Jun dan Julai.



PANTUN 'KELUARGA MALAYSIA TEGUH BERSAMA'

Kian meruntun madah nak dara,
Rawan teruna asyik tertekan;
Salam pantun pembuka bicara,
Bulan merdeka kita raikan.

Terbang tempua memakan buah,
Rerama berteduh tepian telaga;
Sayang Malaysia negara bertuah,
Bersama teguh membina keluarga.

Puteri tersenyum menyapa tuan,
Di laman ceria mengutip cermai;
Harmoni kaum tonggak perpaduan
Aman Malaysia hidup berdamai.

Berlagu merpati di dahan cemara,
Gagak berdansa jadi pujaan;
Bersatu hati memacu negara,
Elak sengketa perkukuh kebersamaan.

Sirna permata hiasan cuma,
Cindai lama bertatah gelig;
Keluarga Malaysia Teguh Bersama,
Pelbagai bangsa ukhuwah dijaga.

**R'zie Ibrahim
Putrajaya**

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



**SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku**
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Cintai negara, kibar Jalur Gemilang

BULAN Ogos ialah bulan kemerdekaan, yang akan bersambung sehingga 16 September sempena tarikh pembentukan Malaysia. Tunjukkan kasih sayang anda kepada negara sepanjang bulan Ogos sehingga pertengahan September dengan mengibarkan bendera kemegahan, Jalur Gemilang.

Bulan Kemerdekaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang, pada hemat Adi, bukan setakat acara tahunan yang perlu diraikan tetapi lebih penting daripada itu ialah mengingati detik bersejarah negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Ia juga sebagai mengingati pembentukan Malaysia pada September 1963 merangkumi Sabah, Sarawak dan Singapura. Bagaimanapun Singapura keluar daripada Malaysia pada 1965.

Kempen Bulan Kemerdekaan Dan Kibar Jalur Gemilang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di Putrajaya pada akhir Julai lalu dengan matlamat memupuk semangat perpaduan dan rasa cinta rakyat berbilang kaum terhadap negara.

Memetik Ismail Sabri, walaupun negara sudah lama merdeka, masih ada cabaran dari dalam dalam dan luar yang boleh menjadikan perpaduan kaum. Elemen ini mesti sentiasa diawasi.

Kerana itu rakyat negara ini mesti sentiasa memamerkan semangat patriotisme dan saling hidup dalam suasana muhibah. Saling sandar-menyarudar bagi aur dengan tebing. Adi sangat setuju dengan saranan ini.

Justeru perkukuh perpaduan kaum dan tebalkan semangat kasihkan negara. Ini ciri penting mewujudkan kestabilan dan kemakmuran serta kekuatan bersama dalam menghadapi segala ancaman mendatang, sejarah dengan tema Hari Kebangsaan tahun ini, 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama'. Pegang tema ini sebagai kunci kekuatan bangsa.

Keharmonian dan perpaduan kaum selama ini menjadi teras kemajuan dan kejayaan Malaysia. Pandemik COVID-19 adalah ancaman paling mencabar dihadapi negara. Sektor ekonomi lumpuh, ramai hilang kerja.

Namun dengan usaha gigih kerajaan dan kerjasama semua kaum, pandemik kini bertukar ke fasa endemik. Sektor ekonomi dibuka sepenuhnya sementara peluang kerja semakin banyak terbuka untuk memenuhi keperluan rakyat.

Kerana itu tema 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama' sangat relevan dengan sambutan Hari Kebangsaan tahun ini sebagai pemangkin rakyat Malaysia hidup harmoni dalam



KEMPEN Kibar Jalur Gemilang bermula 1 Ogos sehingga 16 September.

satu keluarga besar, diiringi rasa syukur dengan kejayaan, kesejahteraan dan keamanan negara selama ini.

Perpaduan adalah kekuatan. Rakyat yang bersatu padu akan menjadi benteng kukuh menghadapi apa juga bentuk ancaman terhadap negara dan Keluarga Malaysia. Ibarat kata bijak pandai, bersatu teguh bercerai roboh.

Mengibar bendera adalah sumbangan kecil tetapi sangat bernilai erti dalam memperkenalkan semangat cintakan negara serta menyerlahkan kegembiraan kita semua sebagai warga Malaysia atas kemakmuran hidup yang kita lalui selama ini.

Suasana sambutan akan nampak berseri dengan kibaran bendera di seluruh pelosok tanah air, mewarnai keindahan persekitaran dalam tempoh bulan kemerdekaan sehingga Hari Malaysia. Oleh itu ambillah inisiatif mengibarkan bendera di bangunan, pejabat atau rumah kediaman.

Tidak perlu disuruh atau dipujuk untuk mengibarkan

bendera. Biarlah ia datang daripada kesedaran diri sendiri, daripada hati yang penuh kasih sayang kepada negara.

Kerana itu Adi sedih apabila memerhatikan pada tahun-tahun sebelum ini di mana ramai tidak ambil peduli mengibar bendera, baik di pejabat, bangunan atau rumah. Harga bendera pun bukan mahal sangat.

Lagi pun ini bukan hari-hari dilakukan, hanya pada musim kemerdekaan sahaja. Adakah terlalu sukar bersama-sama menghayati dan meraikan sambutan ulang tahun kemerdekaan?

Ada juga golongan yang mengibarkan bendera bagi acuh tak acuh, asal bendera dikibar. Kerana itu ada yang mengibar bendera yang sudah lusuh atau koyak. Ini adalah satu penghinaan kepada Jalur Gemilang. Ia juga menggambarkan hati yang tidak ikhlas menyintai negara.

Adi harap berbekal semangat 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama', semangat mengibar bendera dan memperingati ulang tahun kemerdekaan akan

“ Suasana sambutan akan nampak berseri dengan kibaran bendera di seluruh pelosok tanah air, mewarnai keindahan persekitaran dalam tempoh bulan kemerdekaan sehingga Hari Malaysia. Oleh itu ambillah inisiatif mengibarkan bendera di bangunan, pejabat atau rumah kediaman.

lebih bersemangat, perpaduan akan lebih kukuh.

Bersama-sama lah kita membina negara agar terus maju dan makmur serta kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara. Taburlah jasa bakti untuk negara. Jangan asyik bertanya apa bakti negara untuk kita, tetapi tanya bakti kita untuk negara.

Bekas Presiden Amerika, mendiang John F Kennedy pernah berkata: "Jangan tanya apa yang negara buat untuk kamu. Tanyalah apa yang kamu buat untuk negara". Hayati dan renungi kata-kata hikmat ini.

Adi—Tetap kibar bendera

JIMAT BELANJA DENGAN MYGROCER@WILAYAH

TAHNIAH dan syabas kepada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang berterusan membantu meringankan beban sara hidup warga kota dengan melaksanakan pelbagai program, khususnya kepada golongan B40 di Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau Perumahan Awam (PA).

Ketika pandemik, bantuan COVID-19 diberi dalam bentuk wang tunai dan bakul makanan. Juga penangguhan atau diskau bagi pembayaran sewa rumah untuk membolehkan wang yang ada digunakan terlebih dahulu untuk keperluan mendesak seperti makan minum atau membayar bil utiliti.

Untuk kemudahan perubatan, trak perubatan digerakkan di lokasi-lokasi tertentu PPR atau PA untuk memudahkan penghuni mendapat rawatan perubatan tanpa pergi ke klinik. Ini menjimatkan masa serta perbelanjaan untuk perjalanan.

Bagi Adi, bantuan berterusan ini menampakkan usaha gigih KWP yang diterajui oleh Datuk Seri Dr Shahidan Kassim untuk memudahkan urusan kehidupan seharian warga kota. Terbaru yang bakal diperkenalkan mulai 15 Ogos ini ialah 'Program Jualan Murah Keluarga Malaysia'.

Memetik Shahidan, program ini akan berlangsung sehingga akhir tahun 2022 dan bakal dilaksanakan di 39 lokasi terpilih sekitar Kuala Lumpur. Program ini dijalankan dua kali seminggu

melalui trak MyGrocer@Wilayah.

Usaha ini memudahkan penghuni PPR dan PA khususnya membeli barang. Ini kerana seperti trak MyMedic@Wilayah, trak jualan akan datang ke kawasan perumahan merangkumi 61 kawasan PPR ditetapkan.

Kerana ia trak bergerak, mudah sahaja ia digerakkan ke lokasi lain seandainya terdapat permintaan di tempat tersebut. Tidak perlu membuang masa dan tenaga pergi ke kedai runcit untuk membeli barang keperluan yang pada asasnya ialah barang-barang dapur.

Memandangkan MyGrocer@ Wilayah bertujuan membantu golongan berpendapatan sederhana dan rendah, barang dijual adalah bersubsidi. Kerana itu, menurut Shahidan, harganya dua kali ganda lebih murah berbanding di pasar raya. Tentunya ini menjimatkan perbelanjaan.

Walaupun trak jualan ini akan bertumpu ke kawasan PPR atau PA, jualan barang terbuka kepada semua rakyat Keluarga Malaysia, bukan terhad kepada penghuni dua projek perumahan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu sahaja. Justeru orang ramai ambillah peluang membeli barang pada harga mampu ini.

Adi berharap orang ramai mengambil manfaat sepenuhnya daripada program MyGrocer@ Wilayah untuk kebaikan diri dan sebagai menyokong usaha kerajaan membantu mereka. Adi percaya ini juga sedikit sebanyak dapat membantu mengatasi masalah miskin tegar di ibu negara.

Adi—Suka sayur kampung

Adi Taib

SKETSA



SAJAK

MUHARAM MENYAPA LAGI

Kurebahkan sesal di dadamu memandang pohon usia semakin tua juga usang kelupaan sering menguji leka gagal mengutip pahala hujung perjalanan dosa berselerakan uji keyakinan diri.

Muharam menyapa lagi sewaktu dunia diuji bimbang menjerut ketakutan hanya mampu menghitung waktu membisik kesedihan insafan membuka ruang siapkan kesempurnaan perjalanan menuju pulang bertemu Tuhan.

**Mohamed M.N
Kg Solok, Tangkak**

Terus bantu warga kota mendepani cabaran ekonomi

Tambah baik MyGrocer@Wilayah

HAZIRAH HALIM

BEBERAPA penambahan bahan Program MyGrocer@ Wilayah akan dilakukan dari semasa ke semasa selaras matlamatnya membantu warga kota mendapatkan barang keperluan harian dengan harga jauh lebih rendah.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata antara perkara penting yang akan dilaksanakan adalah mendapatkan ruang parkir khas untuk trak, khemah jualan serta penambahan bekalan barang.

"Kita faham di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) agak sukar untuk mendapatkan parkir. Jadi, kita amat mengharapkan kerjasama daripada persatuan penduduk termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mengatasi masalah ini."

"Selain itu, dari segi khemah pula, kita akan memastikan setiap trak MyGrocer@Wilayah mempunyai beberapa khemah



ZAIZALNIZAM (kanan) beramah mesra dengan salah seorang penduduk PA Seri Sabah yang sedang memilih ayam di tapak kawasan MyGrocer@Wilayah.

jualan untuk dipacarkan berhampiran kawasan trak semasa jualan sedang beroperasi," ujar beliau ketika meninjau operasi MyGrocer@Wilayah di PA Seri Sabah, baru-baru ini.

Tambah beliau lagi, den-

gan memacangkan khemah di sekitar tapak jualan, ia akan memudahkan pembeli ketika memilih, mendapatkan barang dan membayar tanpa perlu berebut.

"Sekiranya ada khemah seperti

ini, ia boleh menjadi tanda pemakluman kepada penduduk bahawa MyGrocer@Wilayah sedang beroperasi selain menguar-uarkan waktua ia berjalan kepada orang ramai," ujar beliau lagi.

Memandangkan barang yang dijual masih terhad, pihaknya akan menambah bekalan barang jualan dan dalam masa yang sama memastikan setiap barang tersebut dijual mengikut harga yang telah ditetapkan.

"Kita akan menambah jumlah barang yang sering menjadi tumpuan penduduk seperti telur, sardin, ayam, ikan dan daging. Setiap barang ini juga kita akan pastikan ia dijual lima hingga 20 peratus lebih murah berbanding pasaran luar," ujar beliau kepada Wilayahku.

Mengulas lanjut tentang harga yang dikatakan jauh lebih murah dan sangat membantu warga PPR/PA yang terkesan dengan kenaikan harga barang, Zaizalnizam berkata maklum balas yang diterima begitu memuaskan.

"Setakat ini, bukan saya sahaja yang berpuas hati dengan harga yang ditawarkan tetapi penduduk

ADUAN DBKL Tel : 03-2617 9000 Perbadanan Putrajaya Tel : 03-8000 8000 Aduan : 03-8887 3000 Perbadanan Labuan Tel : 087-408600 Aduan : 087-408852 Wilayahku WhatsApp : 011-5958 7489

juga mengakui perkara yang sama. Belanja dapur mereka berkurang selain boleh mendapatkan makanan yang berkhasiat.

"Saya berharap penduduk mengambil peluang turun mendapatkan barang kerana ini adalah inisiatif terbaik Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menerusi menterinya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim," kata beliau.

W.K

BKK YWP dekati miskin tegar Kuala Lumpur

DEEL ANJER

DALAM sesebuah organisasi, Bahagian Komunikasi Korporat (BKK) merupakan unit penting dalam memastikan keberkesaan perancangan dan pelaksanaan pelan media berhubung publisiti, promosi dan sebagainya.

Sama seperti di Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), fungsiannya lebih menarik kerana ia selari dengan visi YWP iaitu menyumbangkan perkhidmatan serta bantuan bagi mempertingkatkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan.

Menurut kakitangan BKK, YWP, Muhammad Syafiq Imran Md Basrah, dia dan pasukan sentiasa bergerak pantas untuk mencapai golongan miskin tegar di Wilayah Persekutuan bagi mengelakkannya tercincir.

"Seiring dengan misi YWP itu sendiri, kita berusaha untuk mengagihkan secara saksama bagi meningkatkan taraf hidup penduduk Wilayah Persekutuan dan secara tidak langsung memastikan nasib mereka terbaik," ujarnya.

Katanya lagi, apa yang dilakukan unit BKK juga adalah selaras dengan usaha Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim untuk

menyasarkan sifar isi rumah miskin tegar di Kuala Lumpur menjelang akhir bulan ini.

"Di unit ini, kita sering berinteraksi dengan pihak luar dan menjadi pengantara kerajaan dan rakyat. Dalam masa yang sama, kita juga menjalankan kempen bagi setiap dasar, program, aktiviti serta majlis rasmi kementerian," ujarnya kepada Wilayahku.

Bagi mengukuhkan keberkesaan, BKK kini memberi tumpuan yang serius dalam memperkasakan platform media sosial YWP seperti Facebook, Instagram dan TikTok supaya lebih dikenali dan didekati masyarakat.

"Seperti yang kita ketahui, laman sosial merupakan capaian pantas untuk menyebarkan maklumat selain mempromosikan produk dan perkhidmatan secara menyeluruh. Jadi, ia memudahkan kerja kami.

"Apa sahaja aktiviti yang dilakukan YWP akan terus dimuat naik ke media sosial agar warga Kuala Lumpur khususnya tahu apa yang kami lakukan sekali gus mereka mengenali dan faham fungsi YWP," ujarnya.

Berkongsi pengalamannya sepanjang berkhidmat, Syafiq berkata antara kenangan yang tidak dapat dilupakan adalah



PENGURUS Kanan Komunikasi Korporat dan Pengurusan Maklumat, Datin Ida Harlina Ikhwan Nasir (kiri) sedang meneliti maklumat penerima bantuan dari YWP ketika Program Bantuan Khas Persekolahan kepada pelajar B40 di Parlimen Bandar Tun Razak.

ketika membantu masyarakat yang terkesan dengan bencana banjir pada hujung tahun lalu.

"Sukar untuk saya gambarkan keadaan ketika itu apabila banyak daerah yang terjejas antaranya Dengkil, Hulu Langat, Shah Alam dan sebagainya. Biarpun kami di Kuala Lumpur namun tetap menghulurkan bantuan.

"YWP turun padang membersihkan rumah yang terjejas. Seramai 32 kakitangan YWP berbekalkan water jet, plastik sampah, penyodok, sarung tangan getah, kasut but getah dan kereta sorong membantu membersihkan rumah mangsa," ujarnya lagi. W.K

Yayasan Wilayah Persekutuan

Lokasi: Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

Objektif: Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

Hubungi: 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

WhatsApp: 019-348 3073

Emel: info@yayasanwp.org.my

Laman sesawang: www.yayasanwp.org.my

Anak Syarikat: Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (Wilayahku)

Laman sosial YWP: Facebook, Instagram, Twitter dan Tiktok: yayasanwp

REALITI KEHIDUPAN



Putrajaya Secret Garden

Bongkar rahsia taman pancawarna



SELAIN aspek estetika, warna secara tidak langsung memberi impak psikologi kepada manusia. Terapi warna telah menjadi satu alternatif perubatan sejak di zaman Mesir kuno di mana sinar matahari dibiarkan melalui cermin berwarna melimpah satu ruangan bilik untuk tujuan penyembuhan penyakit.

Setiap warna mempunyai kesan tersendiri dalam mempengaruhi emosi seseorang seperti meningkatkan adrenalin, merangsang aktiviti mental dan memberikan ketenangan fikiran.

Menyusuri gegerlap cahaya dengan kepelbagaiannya warna lampu yang menyuluh panorama alam semula jadi pasti menjadi pengalaman yang sukar dilupakan.

Putrajaya Secret Garden menjadi daya tarikan terbaru di Putrajaya yang bukan sahaja membangkitkan keterujaan visual kepada setiap pengunjungnya, malah dapat menjadi satu bentuk rawatan yang mendamaikan kecamuk minda.

SAMBUNGAN DI MUKA 10



Indahnya malam di dunia Avatar



FOTO: SYUQQREE MOHD DAIN
DIANA AMIR

DARI MUKA 9

SUATU ketika dahulu, keindahan hiasan lampu berkonsepkan *City digital of lights* atau lebih dikenali sebagai Taman tema i-City Shah Alam menarik perhatian ramai pengunjung.

Kini, pusat pentadbiran kerajaan Wilayah Persekutuan Putrajaya juga tidak ketinggalan bermandikan cahaya menarik dengan adanya *Putrajaya Secret Garden* dengan konsep unik seperti berada dalam filem 'Avatar' arahan James Cameron.

Taman tersembunyi yang juga dikenali sebagai *Secret Avatar Garden* ini terletak berhampiran Hotel Pulse Grande, Presint 1 ini dahulunya sepi tanpa kunjungan orang

ramai tetapi kini telah dihidupkan dengan sinaran cahaya lampu berwarna-warni di sebelah malam sepanjang jalan menuju ke Tangga Putrajaya (*Putrajaya Steps*).

Penulis berpeluang meluangkan waktu hujung minggu di taman indah ini. Sebaik melangkah, perasaan berubah seperti berada di dunia avatar apabila melihat pokok-pokok dilimpahi cahaya warna-warni sehingga membuatkan penulis terpesona dan berasa teruja untuk meneroka hutan avatar tersembunyi ini.

Meskipun ia belum siap sepenuhnya namun tetap mendapat kunjungan luar biasa. Bagi pendapat penulis, jika anda mahu ke sini mohon bersabar terutamanya pada hujung minggu memandangkan ia sangat sesak.


Berdasarkan tinjauan, rata-rata pengunjung mengetahui kewujudan lokasi ini melalui media sosial *TikTok* dan *Instagram*. Benarlah di zaman serba canggih

ini, media sosial merupakan platform yang paling pantas dan mampu memberi impak hebat.

Antara yang menarik di sini adalah jurai lampu yang terdapat di pokok-pokok besar sekitar taman selain tambahan hiasan lampu berbentuk haiwan yang pastinya sangat *Instagrammable* buat mereka yang suka bergambar.

Setelah penat berjalan penulis mengambil peluang untuk singgah ke gerai jualan berhampiran yang menampilkan konsep kafe terbuka sambil dikelilingi hiasan lampu. Menu yang hebat dan harga berpatutan membuatkan penulis teruja sebelum meneroka lebih jauh lagi ke taman tersebut.

Penulis difahamkan terdapat tiga fasa dalam usaha mengindahkan kawasan taman yang mana setakat ini hanya satu fasa sahaja sudah siap sepenuhnya. Manakala fasa seterusnya akan dilakukan dari semasa ke semasa. **WK**



PENGUNJUNG dapat merasai pengalaman seperti di dalam filem *Avatar* semasa berada di *Putrajaya Secret Garden*.

Makanan hotel 'harga warung'



HAZIRAH HALIM

SETELAH penat berjalan pasti anda menginginkan minuman atau makanan untuk menghilangkan rasa dahaga dan mengisi kekosongan perut. Namun jangan risau kerana terdapat deretan gerai di *Bigroundabout Garden Cafe@Hotel Pulse Grande*.

Mengetengahkan konsep 'makanan hotel berharga warung', pastinya ia adalah tarikan utama pengunjung untuk mencuba 15 menu pilihan makanan hotel dengan harga serendah RM3 hingga RM20.

Menariknya, kesemua hidangan dihasilkan oleh chef terhebat Hotel Pulse Grande (PGH) sendiri. Antara pilihan yang hebat untuk dinikmati adalah *spaghetti carbonara*, oden, nasi goreng yang dimakan bersama ayam tandoori, ayam goreng atau udang, *pastry*, *cotton candy* dan banyak lagi.

Menurut Pengurus Food and Beverages Hotel Pulse Grande, **Mohamad Sobri Said**, antara menu yang paling popular di *Bigroundabout Cafe* adalah oden dan nasi goreng manakala minuman pula ialah pink guava asam boi.

"Oden antara makanan yang menjadi pilihan utama kerana ia disajikan dengan dua pilihan kuah iaitu korean sup atau sup kosong yang dimasak dengan kiub ayam (*clear sup*). Bukan itu sahaja, nasi goreng bersama udang galah juga antara pilihan utama yang dinantikan pengunjung."

"Insya-Allah kita juga sedang dalam perancangan untuk menambah lima menu lagi dan pastinya ia tidak akan sama dengan mana-mana gerai jualan lain seperti di *food truck* atau gerai. Paling penting ia dijual dengan harga murah," katanya kepada *Wilayahku*.

Dalam pada itu, Mohamad Sobri berkata pengunjung bukan sahaja dapat menikmati makanan enak tetapi juga PGH turut memberikan potongan harga 'Happy Hour' sebanyak 50 peratus daripada harga jualan pada setiap 30 minit terakhir sebelum tamat operasi jualan.

"Jangan lepaskan peluang untuk menikmati potongan harga ini. *Bigroundabout Garden Cafe* beroperasi pada setiap hari cuma waktunya berbeza iaitu hari biasa, Isnin hingga Khamis dibuka pada pukul 7 malam hingga 10 malam manakala hari minggu iaitu

Jumaat hingga Ahad, ia dilewati satu jam iaitu 7 malam hingga 11 malam," kongsinya yang turut mengatakan kawasan tersebut mampu memuatkan seramai 100 orang.

Bercakap mengenai 'harga warung' yang diketengahkan, Sobri berkata pihaknya mahu semua golongan masyarakat terutamanya berpendapatan rendah (B40) dapat menikmati makanan hotel dengan harga murah.

"Kita tidak mahu menjual makanan dengan harga hotel iaitu RM50 ke atas kerana mahu semua orang dapat rasa makanan tersebut. Meskipun harganya murah tetapi servis yang diberikan kepada pengunjung adalah sama dengan servis di hotel yang mana aspek kualiti pembungkusan, kebersihan dan layanan amat dititikberatkan.

"*Alhamdulillah*, sehingga kini kita mendapat respons positif daripada pengunjung yang mengatakan saiz hidangan banyak, sedap dan menarik.

"Bagi pengunjung yang belum berkesempatan untuk datang, bolehlah mengunjungi *Bigroundabout Garden Cafe* yang terletak di Presint 1, Putrajaya untuk menikmati makanan yang kami sediakan sambil beriadah bersama keluarga di *Putrajaya Secret Garden*," ujarnya. **WK**



MOHAMAD SOBRI



PENGUNJUNG boleh menikmati makanan dan minuman di ruang khas berhampiran Putrajaya Secret Garden.



REAKSI

"*PUTRAJAYA Secret Garden* adalah lokasi pelancongan terbaru yang wajib dilawati yang pastinya tidak akan mengecewakan. Dulu saya selalu pergi ke 99 Wonderland atau i-City Shah Alam untuk aktiviti malam tetapi sekarang di Putrajaya pun dah ada lokasi lampu yang menarik hati."

- AMIR MUSA

"SETIBANYA di sini, saya tergamam melihat pusat pentadbiran kerajaan yang dahulunya sunyi sepi kini sudah disinari dengan keindahan limpahan lampu berwarna-warni

yang amat sesuai buat mereka berswafoto dan mencipta memori indah.

AMIR

"Masuk pun percuma dan saya rasa untuk masa akan datang, kawasan riadah seperti ini tidak sesuai jika dikenakan bayaran. Sebelum ini juga, tidak banyak kawasan Putrajaya yang 'hidup' pada waktu malam, jadi dengan kewujudan taman ini diharapkan ia dapat memberi nafas baharu kepada industri pelancongan sekali gus memperkenalkan lagi produk-produk di Putrajaya."

- NURUL SHAMIMI SAYED MOHAMAD

"PADA pandangan saya, pihak PPj boleh menambah baik dari segi ruangan parkir kenderaan yang mana kawasan ini pun sudah mula dikunjungi ramai orang, ada yang terpaksa parkir di bahu jalan dan menyebabkan kesesakan.

"Selain itu, mungkin perlu wujudkan papan tanda sebagai isyarat pemberitahuan kepada pengunjung mengenai taman ini. Saya harap tempat ini akan lebih dikenali dan menjadi sebuah destinasi pelancongan menarik buat pelancong dalam maupun luar negara."

- NORA BIBI GULAMDIN

"PEMBUKAAN taman ini bukan sahaja dapat membantu sektor pelancongan Putrajaya tetapi juga membantu promosi dan memperkenalkan Hotel Pulse Grande yang turut berada di kawasan ini. Pengunjung yang jauh boleh menginap di sini dan hanya turun ke bawah untuk bersiar-siar di taman."

- MOHD SYAIFUL AZREIN

"INI merupakan kali pertama saya datang ke sini dan saya agak tertarik dengan dekorasi lampu-lampu yang ditampilkan sama seperti di Shah Alam namun terdapat perbezaan konsep. Ada pancuran air, menara mercu dan saya yakin tempat ini mampu untuk menarik lebih ramai orang luar untuk datang pada waktu malam."

- NOOR HASILA ABDULLAH

"SAYA dan keluarga memang merancang untuk datang ke sini setelah melihat gambar di media sosial. Nampak sangat cantik sebab pakej sekali dengan pemandangan indah Putrajaya itu sendiri."


- NURUL SYUHADA IBRAHIM




NURUL SHAMIMI




NORA BIBI



MOHD SYAIFUL




NOOR HASILA



NURUL SYUHADA



KEINDAHAN panorama malam yang dilimpahi cahaya pelbagai warna memberi pengalaman baru untuk seisi keluarga.









DEEL ANJER

SANGAT mengejutkan apabila pengacara popular, Azwan Ali mengaku dirinya disihir oleh seorang artis wanita veteran yang dikenali ramai.

Menurut Azwan yang juga dikenali sebagai Diva AA, kaki kanannya mempunyai kesan topukan akibat perbuatan sihir itu.

"Saya sudah puas berikhtiar dan kini sedang dalam rawatan untuk membuang ilmu sihir yang dikenakan ke atas saya."

"Tiga bulan saya sakit, awalnya saya tak perasan pun telah disihir sebab ingatkan sakit kaki biasa je. Walaupun berat dugaan ini, tetapi saya reda menghadapinya,"

Tiga bulan merana, Diva AA disihir lagi?



akui Azwan.

Enggan mendedahkan identiti sebenar artis berkenaan, Azwan bagaimanapun mengatakan dia semakin sihat berbanding sebelum ini.

Menceritakan detik yang tidak dapat dilupakan itu, katanya tapak kaki terasa seperti dihunus bilahan senjata tajam setiap hari pada pukul 3 pagi.

"Kesakitan itu berulang setiap hari dan sekarang beransur pulih," ujarnya yang pernah

beberapa kali mendakwa dirinya disihir dan memberi pelbagai kesan buruk.

Apa yang dibimbangkan, perbuatan sihir ini seolah-olah menjadi trend jika seseorang itu tidak puas hati atau berdendam. Sepatutnya, apa jua masalah yang dihadapi, mengadalah kepada Allah SWT bukannya melakukan perkara khurafat yang menyekutukan-Nya. **WK**



AZWAN ALI

Shuib bakal nikah Instafamous?



SHUIB

SETELAH setahun hidup menduda, dengar cerita pelawak **Shuib bakal berkahwin dengan seorang gadis yang juga selebriti media sosial.**

Wilayahku dengar, kedua-dua bakal pengantin sudah pun menempah baju untuk hari bahagia mereka.

Allahyarham Sarah Raissuddin pun sudah setahun meninggalkan kita semua. Rasanya Shuib pun perlu teruskan kehidupan, lebih-lebih lagi anak-anak mereka masih kecil dan perlukan kasih sayang seorang ibu.

Apa-apa pun kita doakan agar perkahwinan mereka berjalan dengan lancar dan segalanya diper mudahkan.

"Baik buruk saya tanggung" – Elyana



KECOH dalam kalangan netizen apabila penyanyi **Elyana** memuat naik sekeping foto tanpa memakai tudung baru-baru ini.

Meskipun ramai mempersoalkan keputusan yang dibuat Elyana namun dia enggan mengulas lebih lanjut.

"Saya sudah fikir semasak-masaknya. Inilah saya. Terima kasih kepada semua yang mendoakan selama ini."

"Jika anda masih lagi mahu mendoakan saya, saya harap doa yang baik itu berbalik kepada anda."

"Baik buruknya, saya yang akan tanggung. Jika anda boleh terima diri saya, *alhamdulillah*. Jika tak boleh, saya tidak dapat berbuat apa-apa kerana inilah saya," katanya.

Sekadar info, Elyana atau nama sebenarnya Erneelya Elyana Emrizal mula mengenakan tudung ketika dirinya memulakan rawatan kanser limfoma.

Apa-apa pun kita doakan yang terbaik kepada Elyana. Semoga dia sentiasa berada di bawah lindungan-Nya.

Rahsia bahagia S Atan

SIKAP pemurah penerbit dan komposer lagenda S Atan adalah antara rahsia kebahagiaan dan kejayaannya sehingga ke hari ini.

Isteri S Atan, **Norizan** mengakui cukup bertuah memiliki suami yang disenangi ramai.

"Sebagai isteri sudah tentulah saya melihat kesungguhannya untuk terus membahagiakan keluarga sebagai suatu anugerah."

"Bagaimanapun, ada satu sikap yang saya nampak ialah S Atan suka gembirakan kawan-kawan sekeling."

"Pernah dia pinjam duit demi untuk kesenangan orang lain. Memang dia nak sangat membahagiakan kawan dia. Sampaikan ada ketikanya saya sendiri rasa pelik dengan suami sendiri."

"Kadang-kadang saya ada cakap kepada dia, tak boleh begini. Nanti orang akan fikir lain tetapi dia tetap dengan pendiriannya suka tengok orang lain bahagia," ujarnya yang mengakui S Atan tidak pernah mengharapkan sebarang balasan.

Norizan berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Sambutan Hari Jadi Haji S Atan Yang Ke-73 di Hotel Royal Chulan Damansara, baru-baru ini.

Menurut Norizan, dia bersyukur kerana ramai yang setia menyokong suaminya sehingga ke hari ini.

"Bila adanya sambutan hari jadi yang dianjurkan khas kepada suami, saya bagi pihaknya rasa syukur dan terharu. Terima kasih."

"Ramai rakan artis,



sahabat dan peminat yang hadir termasuk dari Singapura. Malah ada juga yang awal-awal lagi beritahu tak berkesempatan untuk datang. Cuma atas kapasiti jemputan yang terhad, saya pun mohon maaf kalau ada kekurangan," katanya.

Ditanya rahsia masih tampak kuat sehingga ke hari ini, **S Atan** yang juga bapa saudara kepada pengarah muzik, Datuk Ramli MS bersyukur dengan kesihatan yang dikurniakan Allah SWT.

"*Alhamdulillah*, tiada apa rahsia pun sebenarnya. Cuma saya ambil makanan berat sekali sehari sahaja selain mementingkan kualiti tidur. Cuma sebelah mata kiri saya sahaja yang sudah tidak nampak," katanya.

Sementara itu, ahli perniagaan Datuk Sri Rohaiyat Musa, 46, yang sudi meraikan sesi sambutan berkenaan menyatakan bersa gembira kerana majlis berjalan lancar sebagaimana yang diharapkan.

"Kalau boleh, saya mahu ulang tahunnya kali ini menjadi suatu momen yang bermakna. Ramai selebriti senior hadir secara tak langsung menunjukkan wujudnya hubungan yang baik antara mereka," ujarnya yang turut meminati S Atan.

Pada 14 Mei lalu, sebuah konsert *tribute* istimewa dianjurkan bagi menghargai jasa lebih empat dekad S Atan dalam mewarnai tempatan menerusi barisan lagu raya yang menggamit memori.

KKOMM komited hidupkan Bulan Kebangsaan, Hari Malaysia



AINI MAWAWI

SETIAP tahun, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKOMM) menjadi kementerian yang bertanggungjawab dalam menjayakan Sambutan Bulan Kebangsaan.

Seperti kita maklum, pada 30 Julai 2022 lalu, kita telah menyaksikan Pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang 2022.

Lanjutkan daripada itu,

KKOMM sebagai Jawatankuasa Induk Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 sedang dalam usaha menggalakkan pengibaran Jalur Gemilang dan sebagainya kepada seluruh rakyat Malaysia.

Untuk makluman, Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 juga dikenali sebagai HKHM 2022.

Untuk mengetahui tentang usaha dan program yang dilaksanakan, **Wilayahku** menemu bual Pengarah Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, **Lim Ann Teck**.

WILAYAHKU: Boleh ceritakan sikit tentang pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang baru-baru ini?

LIM ANN TECK: Pada 30 Julai 2022 lalu, kita sama-sama menyaksikan Pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Pada hari pelancaran tersebut, KKOMM melalui Jabatan Penerangan Malaysia telah menjalankan pelbagai program menarik bersifat kenegaraan untuk menggelorakan semangat patriotisme.

Program 'Berjalan Teguh Bersama' pada hari tersebut selari dengan

konsep keharmonian Keluarga Malaysia yang diaspirasikan oleh Perdana Menteri dan juga merupakan tema HKHM 2022 iaitu 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama'.

Begitu juga dengan Pelepasan Konvoi Kembara Merdeka Keluarga Malaysia (KMKM2022) berkonsepkan 'Pass Baton' dengan membawa Baton Jalur Gemilang ke seluruh negara dan

diserahkan di setiap sempadan negeri.

KMKM2022 bermula pada 30 Julai 2022 lalu semasa majlis tersebut dan dijangka akan berakhir pada 31 Ogos 2022. Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang peringkat negeri telah berlangsung pada 30 Julai 2022 yang lalu bertempat di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur yang telah disempurnakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

WILAYAHKU: Selain program-program penganjuran di bawah KKOMM, apa lagi usaha kerajaan untuk meningkatkan penglibatan semua peringkat lapisan umur untuk menyertai sambutan pada tahun ini?

LIM ANN TECK: Selepas pelancaran, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, selaku Pengurus Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 telah meningkatkan promosi dan pengumuman kepada semua rakyat Malaysia dengan menggalakkan mereka menyertai sambutan itu melalui pengibaran Jalur Gemilang di rumah, perniagaan dan dewan komuniti mereka.

Pemasangan papan iklan, e-papan iklan, bunting, e-bunting, dan bendera di sepanjang jalan utama mula dilaksanakan secara meluas.

Penglibatan sektor swasta, GLC dan kerajaan tempatan juga diperluaskan dalam menggelorakan semangat patriotisme melalui edaran dan pemasangan Jalur Gemilang di premis dan kenderaan kepada pelanggan, mengadakan tawaran dan promosi jualan/perkhidmatan sempena bulan kebangsaan, peraduan atau pertandingan kemerdekaan, paparan pencahayaan dan lampu hiasan di bangunan dengan berilustrasikan kibaran Jalur Gemilang,

syarikat telekomunikasi mempergiatkan usaha menaik taraf perkhidmatan internet kawasan luar bandar dan pedalaman bagi meningkatkan kesalinghubungan sempena Sambutan Bulan Kebangsaan, menyiaran iklan kemerdekaan, melaksanakan program-program corporate social responsibility (CSR) kepada komuniti, mempromosikan rebat/card reward/penebusan

mata ganjaran/insentif sempena bulan Sambutan Bulan Kebangsaan dan menyiarkan lagu-lagu patriotik di premis atau ruang terbuka perniagaan.

WILAYAHKU: Bagaimana pula dengan pertandingan-pertandingan kenegaraan yang dianjurkan bagi menyemarakkan perasaan cintakan negara melalui penyertaan-penyertaan pada pertandingan secara dalam talian?

LIM ANN TECK: Pelbagai pertandingan dan program digital atau maya telah diatur untuk semua peringkat umur, daripada kanak-kanak hingga dewasa.

Antara pertandingan-pertandingan tersebut adalah Pertandingan Klik@Merdeka, Pertandingan Bintang Patriotik Smule, Pertandingan Bintang Patriotik Aspirasi Keluarga Malaysia, Pertandingan Bintang Patriotik RIUHI, Pertandingan Mewarna & Melukis MYDOODLE@ Merdeka, Program Pengisihan Kenegaraan, Pertandingan ILHAM Merdeka TikTok Challenge, Sayembara Sajak Merdeka.

Orang ramai boleh melayari portal Merdeka 360 <http://merdeka360.my/web/> untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan pelbagai aktiviti dan pertandingan. Pelbagai hadiah menarik juga menanti pemenang.

WILAYAHKU: Boleh tuan kongsikan sedikit tentang program-program yang diadakan sempena HKHM 2022 di peringkat WPKL?

LIM ANN TECK: Antara program yang akan dianjurkan adalah Program Semarak Gemilang dan Merdeka@ Komuniti di setiap negeri. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, lokasinya adalah di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi.

Satu majlis apresiasi peringkat negeri pula akan diadakan pada bulan Oktober kepada tuan rumah lokasi yang telah dipilih tersebut.

Program Merdeka@Komuniti Keluarga Malaysia pula merupakan Sambutan Bulan Kebangsaan di peringkat komuniti Keluarga Malaysia mengikut negeri. Program ini melibatkan 72 Komuniti Keluarga Malaysia di peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

WILAYAHKU: Bagaimana pula dengan orang ramai yang ingin menzahirkan rasa cinta akan negara melalui maya atau platform media sosial, sepanjang sambutan ini?

Rakyat Malaysia boleh menggunakan media sosial untuk berkongsi momen Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia yang tidak dapat dilupakan seperti Bingkai Facebook Merdeka, Gambar Profil dan Sepanduk, Pelekat WhatsApp, Emoji, TikTok, Instagram Reels, dan aktiviti lain yang berkaitan dengan sambutan tahun ini.

LIM ANN TECK: Rakyat Malaysia boleh menggunakan media sosial untuk berkongsi momen Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia yang tidak dapat dilupakan seperti Bingkai Facebook Merdeka, Gambar Profil dan Sepanduk, Pelekat WhatsApp, Emoji, TikTok, Instagram Reels, dan aktiviti lain yang berkaitan dengan sambutan tahun ini.

Orang ramai digalakkan untuk berkongsi tanda pagar di semua platform media sosial masing-masing iaitu #KeluargaMalaysiaTeguhBersama; #TeguhBersama; #KeluargaMalaysia; #KKOMM; #HKHM2022 dan #merdeka360.

Kesemua tanda pagar tersebut adalah selaras dengan tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, Keluarga Malaysia Teguh Bersama.

WILAYAHKU: Apakah harapan tuan untuk Sambutan Bulan Kebangsaan tahun ini?

LIM ANN TECK: Kami amat berharap perasaan cintakan negara dalam kalangan ahli Keluarga Malaysia tidak pudar. Ingatlah untuk kibarkan Jalur Gemilang di rumah anda sepanjang tahun, bukan sahaja pada bulan Kebangsaan.

Kami juga ingin mengajak semua rakyat Malaysia tidak melepaskan peluang hadir secara fizikal pada 31 Ogos 2022 bertempat di Dataran Merdeka, pukul 8.00 pagi. Kepada yang tidak dapat hadir, boleh juga menyaksikan siaran langsung Sambutan Hari Kebangsaan dan, bermula jam 8.00 pagi di semua stesen televisyen peniar tempatan dan melalui Facebook Live Merdeka360, dan Facebook Live Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. **WK**



LIM ANN TECK



DEEL ANJER

MENGAPAKAH Malaysia masih gagal mencapai tahap sara diri (SSL) dalam pengeluaran daging lembu?

Pelbagai tindakan telah diambil seperti penyelidikan dan kajian lapangan pengeluaran daging dilakukan sejak beberapa dekad serta menelan perbelanjaan yang besar, namun ia masih tidak membawa hasil.

Menurut Pengarah Latihan & Entrepreneur UK Farming Sdn Bhd, **Azhan Mohamad**, terdapat beberapa sebab atau alasan industri ternakan lembu pedaging di Malaysia masih terkebelakang berbanding negara-negara jiran yang lain.

"Berdasarkan penelitian saya, antara puncanya adalah kekurangan negara kita memperolehi baka induk betina dan pejantan berkualiti yang dapat memberi hasil yang tinggi dengan kos penyelenggaraan yang rendah."


"Yang kedua, kita kekurangan tanah untuk tapak projek ternakan lembu kerana perlu bersaing dengan industri lain yang lebih berdaya maju dan menguntungkan."

"Yang ketiga adalah persaingan harga daging beku dan ternakan import yang lebih murah. Namun, dalam masa yang sama kesan pertukaran mata wang asing memberi kesan kenaikan ternakan import dan bahan makanan," katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Beliau juga berpendapat, kekurangan ilmu dan kepakaran serta tiada sokongan jitu syarikat besar juga menyebabkan industri ternakan lembu agak perlahan jika dibandingkan dengan negara luar.

"Dalam negara kita, masih

Kekurangan baka berkualiti, tanah punca industri penternakan gagal



AZHAN menganjurkan kursus di UK Farm Agro Resort, Kluang.



NEGARA kekurangan baka induk betina dan pejantan berkualiti.

kekurangan kemahiran dan kompetensi tenaga kerja dalam kalangan pengusaha dan penternak di peringkat lapangan.

"Pada masa yang sama, jumlah kakitangan jabatan yang menjalankan khidmat penyampaian masih kecil dibandingkan dengan bilangan penternak dan kawasan yang perlu diliputi.

"Situasi ini menjadi semakin sukar apabila tiada pelaburan disebabkan syarikat perlادangan swasta besar kurang berminat untuk mengusahakan ternakan lembu.

"Itu belum lagi ancaman penyakit yang masih wujud seperti penyakit Kuku dan Mulut,

Hawar Berdarah, Bruselosis dan LSD," ujarnya lagi.

PERMANIAN BERADAS SINAR BAHARU INDUSTRI PETERNAKAN

PROSES Permanian Beradas yang pertama dilakukan pada haiwan semenjak abad 14 apabila orang Arab menggunakan kaedah ini untuk pembiakan kuda.

Penghujung tahun 1784, Lazarro Spallanzani, seorang pendeta dan juga ahli Biologi kali pertama menggunakan teknik ini untuk membiak anjing.

Di London pada tahun 1793, John Hunter merupakan saintis yang pertama dilaporkan berjaya mencapai kehamilan manusia.

Azhan berkata, aktiviti permanian beradas penting

dalam bidang ternakan terutama pembibitan lembu. Kesedaran ini masih di tahap terendah jika dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Myanmar.

Permanian Beradas adalah satu proses persenawayaan di mana benih ternakan jantan (semen) dimasukkan ke dalam alat kelamin ternak betina dengan menggunakan alat-alat tertentu.

"Permanian Beradas ini penting kerana banyak faedah kepada industri ternakan terutamanya lembu jika menggunakan kaedah moden ini.

"Antara kebaikannya adalah lembu akan lebih cepat membesar, menghasilkan banyak daging serta susu dan berpotensi melahirkan baka yang lebih baik berbanding induknya.

"Malah dengan kaedah ini, kita boleh memperluaskan penggunaan benih lembu pejantan baka yang bermutu tinggi," katanya.

Ujarnya kaedah tersebut menjimatkan masa, tenaga dan wang penternak kerana tidak perlu memelihara lembu pejantan.

"Selain itu, kaedah tersebut mampu mencegah daripada jangkitan penyakit kelamin dan penternak tidak perlu lagi berbelanja puluhan ribu ringgit membeli seekor baka lembu sado seperti Friesian, Limousin, Charolais, Brahman dan sebagainya," katanya.

Tambah Azhan, melalui kaedah Permanian Beradas yang murah, industri penternakan di negara ini

akan lebih berkembang maju.

PERLU TINGKAT ILMU

AZHAN menegaskan bahawa industri penternakan negara bakal dimajukan oleh anak-anak muda namun mereka perlu meningkatkan ilmu berkenaan

industri ini supaya ia boleh berkembang dengan lebih baik.

Menurutnya, setiap tahun Malaysia merekodkan import daging lembu 78 peratus dan kambing 90 peratus serta sejak 10 tahun lalu jumlah terkumpul import makanan negara ialah sebanyak RM482.8 bilion.

"Prospek cerah bidang penternakan menarik perhatian semakin ramai graduan dan golongan profesional tetapi mereka yang berminat perlu ada inisiatif mencipta peluang dan bukan sekadar menunggu kesempatan dalam menghadapi persaingan dunia bisnes," katanya.

Beliau berkata kini sudah tiba masa untuk semua pihak khususnya penternak mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam industri ini seperti penternakan pintar, penternakan jitu dan penternakan menegak yang dipacu oleh *Internet of things* (IoT), data raya (*big data*) dan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*).

"Melalui usaha ini, kita bakal merancakkan pengeluaran makanan tempatan dan menjamin keselamatan makanan negara," jelasnya lagi.

Kepada yang berminat menyertai kursus dan menambah ilmu penternakan di UK Farm Agro Resort boleh hubungi di talian **017-731 2188** atau layari Facebook: Bisnes Ternak Norma Baru. **W.K**



DR AIZAN ALI@
MAT ZIN

UMUM memahami kalimah hijrah dari sudut bahasa Malaysia sebagai perpindahan Nabi Muhammad SAW dari Makkah ke Madinah tahun 622M dan permulaan kalendar Hijri umat Islam yang berasaskan kiraan pergerakan bulan berbeza dengan sistem kalendar Gregorian. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) turut mendefinisikan kalimah hijrah sebagai meninggalkan sesuatu tempat untuk pergi ke tempat lain.

Kitab Sirah Nabawiyah sarat dengan kisah-kisah yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW termasuk peristiwa hijrah Baginda Rasulullah SAW dari Makkah ke Madinah kira-kira 1443H yang lalu. Sehubungan dengan itu, umat Islam menyambut 1 Muharram dengan aktiviti perhimpunan untuk berselawat, seminar dan forum bagi mengimbau kembali jati diri muslim berasaskan perjuangan dan kejayaan Rasulullah SAW bersama-sama para sahabat.

Akhlik Rasulullah SAW yang berserap kepada Allah SWT dalam mentaati perintahNya dengan strategi yang disulami sikap reda dan sabar telah berjaya mengorak langkah membina sebuah model negara Islam di Madinah al-Munawwarah. Sesungguhnya hijrah bukan sejarah yang mati tanpa erti bagi setiap Muslim tidak kira lelaki atau wanita, muda atau tua, miskin atau kaya, hina atau mulia, tetapi penuh dengan ibrah tersurat dan tersirat yang terus diterokai melalui sumber-sumber sejarah Islam yang muktabar terutamanya kitab Sirah Nabawiyah. Ibrah tersurat dan tersirat dijadikan teladan oleh masyarakat Islam walau di mana mereka berada. Hijrah adalah milik semua.

KEKANGAN DAKWAH

HIJRAH Baginda Rasulullah SAW dari Makkah ke Madinah merupakan manifestasi kejayaan dan kecemerlangan dakwah Islam sekali gus kualiti hidup. Fasa kekangan dakwah dan penindasan akibat perbezaan akidah, jantina dan status ekonomi telah berakhir. Kehidupan masyarakat Islam Madinah menyaksikan hijrah dari pelbagai sudut; kepercayaan berdasarkan berhalal telah berhijrah kepada akidah tauhid, penindasan kaum pula berhijrah kepada keadilan sosial, manakala monopoli kekayaan berhijrah kepada agihan kekayaan melalui institusi zakat, wakaf, sedekah dan hibah.

Tuntasnya, konsep hijrah perlu sentiasa hidup dalam diri muslim mukmin dalam usaha mencipta peluang untuk meningkatkan

Hijrah sebagai suatu peluang

“Realitinya Malaysia kini telah berhijrah ke fasa pasca pandemik dan kehidupan masyarakat telah kembali ke norma asal walaupun tidak sepenuhnya, di mana beberapa urusan secara atas talian diteruskan dengan penambahbaikan.”

kualiti hidup. Hijrah adalah sunnatullah dan mempunyai konotasi yang positif. Justeru, perubahan ke arah kemunduran, kemusnahan dan kesesatan adalah terkeluar daripada konsep hijrah Nabawiyah.

Realitinya Malaysia kini telah berhijrah ke fasa pasca pandemik dan kehidupan masyarakat telah kembali ke norma asal walaupun tidak sepenuhnya, di mana beberapa urusan secara atas talian diteruskan dengan penambahbaikan. Sekali gus ia hadir sebagai suatu alternatif dan memudahkan golongan yang sukar bergerak atau berhalangan dari sudut kesihatan di samping menjimatkan wang, masa dan tenaga.

Rentetan daripada itu, masyarakat turut berhijrah kepada anjakan paradigma baru dari beberapa aspek kehidupan. Pandemik COVID-19 telah mencetuskan penghijrahan norma hidup baru secara besar-besaran dari segi fizikal, mental, emosi dan spiritual. Malah ia menganjak paradigma masyarakat secara drastik dan traumatis dalam pengadaptasian budaya baru seperti pembayaran bil, penjualan dan pembelian secara atas talian, pengajaran dan pembelajaran serta kerjaya.

MENGIKUT KELAYAKAN

TINJAUAN mendapati bahawa ramai para graduan 2019, 2020 dan 2021 dalam tempoh pandemik mengalami kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan yang tetap mengikut kelayakan dan bidang pengajian masing-masing. Walau bagaimanapun, mereka bijak mengambil peluang bekerja sementara dalam bidang khidmat penghantaran barang keperluan seperti makanan, minuman, pakaian dan peralatan, yang telah menghasilkan pulangan yang agak lumayan.

Tuntasnya, sikap mereka yang tidak memilih pekerjaan mengikut kelulusan amat terpuji dan patut diraikan. Peranan mereka sebagai penghantar makanan amat penting dalam memudahkan masyarakat yang berada dalam tempoh perintah kawalan pergerakan ketika pandemik COVID-19. Ini bukan bermakna peluang untuk mereka mendapatkan pekerjaan tetapi mengikut kelulusan telah tertutup atau dinafikan setelah tamat tempoh pandemik. Ia

adalah pekerjaan alternatif bagi mengisi kekosongan yang ada secara bertempoh mengikut musim pandemik COVID-19. Kini jelas terbukti apabila masyarakat kembali kepada hidup yang normal dan keluar bekerja, keperluan khidmat penghantar makanan semakin berkurangan dan jawatan kosong dalam bidang-bidang lain mula diiklan dan pengambilan pekerja giat dijalankan serta jawatan kosong mula diisi oleh pekerja yang berkelayakan dengan gaji tetap.

Walau bagaimanapun, terdapat suatu fenomena yang merungsingkan masyarakat dan negara apabila Jabatan Perangkaan telah mendedahkan hasil kajian selidik yang mendapati bahawa kira-kira 390,000 atau 72.1 peratus lepasan Sijil Pelajaran Malaysia 2021 enggan menyambung pengajian. Persoalannya adalah, sejauh mana kefahaman generasi

ini tentang kepentingan ilmu dan kelestariannya dalam meningkatkan kualiti serta kredibiliti hidup dalam dunia moden era IR4.0? Adakah pemikiran materialistik menguasai minda, justeru mereka hanyut dalam tawaran yang bersifat fatamorgana sebagai penghantar makanan dan barang keperluan?

Generasi ini kelihatan seolah-olah berfikiran ibarat mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan. Malah mereka mengambil sikap bersenang-senang dahulu bersusah-susah kemudian. Mereka memilih kerja yang senang dengan pendapatan yang lumayan di usia muda tanpa memikirkan risiko yang ditanggung pada hari kemudian dengan keperluan yang makin bertambah apabila mula membina keluarga dan kos kehidupan yang semakin meningkat. Justeru, mentaliti subsidi akan menyelinap dalam pemikiran apabila suatu hari nanti desakan hidup mula menjelma.

Mentaliti negatif yang meniti bibir masyarakat di awal kemerdekaan Negara berlebar dalam dunia wanita iaitu ‘belajar tinggi-tinggi masuk ke dapur juga’ berulang dengan frasa baru ‘belajar tinggi-tinggi

sampai ke menara gading gaji kecil sahaja’. Kata-kata ini cuba membunuh semangat generasi muda dalam menuntut ilmu ke peringkat yang lebih tinggi agar dapat menyumbang kapakaran dalam bidang-bidang penting pembangunan negara. Pemikiran ini amat bahaya dan merugikan jika dibiarkan terus menggerudi benak fikiran generasi muda.

Kealpaan tentang kepentingan ilmu dalam pembinaan jati diri dan kemahiran insan untuk kemajuan dan kecemerlangan agama, bangsa dan negara perlu digempur habis-habisan dalam kalangan remaja, keluarga dan masyarakat. Justeru, hijrah 1444H dijadikan peluang untuk menggali semula kesedaran demi kesedaran tentang kepentingan ilmu pengetahuan. Usaha ini perlu digembung oleh pelbagai pihak agar hijrah minda bergerak rancak dan terancang agar kelestarian Keluarga Malaysia Pemangkin Kemakmuran terlaksana. Bersatu teguh bercerai roboh. Salam Ma’al Hijrah 1444H. Wallahu’lam.

Penulis merupakan Pensyarah Kanan Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.

KURSUS Pra Perkahwinan

TARIKH KURSUS:

- 6 - 7 OGOS 2022
- 27 - 28 OGOS 2022
- 10 - 11 SEPTEMBER 2022
- 24 - 25 SEPTEMBER 2022
- 8 - 9 OKTOBER 2022
- 29 - 30 OKTOBER 2022
- 12 - 13 NOVEMBER 2022
- 26 - 27 NOVEMBER 2022

YURAN RM120 SAHAJA

- Mengguna pakai MODUL BERSEPADU KURSUS PRA PERKAHWINAN ISLAM DARI JAKIM
- Bilik kursus yang KONDUSIF dan BERHAWA DINGIN
- Parking PERCUMA
- CENDERAHATI EKSKLUSIF untuk peserta bertuah
- Barisan PENCERAMAH YANG CERIA DAN BERILMU

Bertempat di: **MASJID PUTRA**

SAYUTI: 013-374 6963 MUS: 010-235 5641
TAQEEM: 017 6806421 MAI: 010 7966347

PERSATUAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN UGAMA (PKPU) JAKIM
LOT 3, MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN, PRESINT 3, PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN, MALAYSIA 62100

Putrajaya perlu ketuai Kempen Larangan Merokok

PROF MADYA DR SURIANI ISMAIL

KERAJAAN Malaysia melalui Kementerian Kesihatan (KKM) giat berusaha mengawal masalah merokok melalui dasar dan pelbagai inisiatif program pada peringkat masyarakat.

Antara langkah terkini ialah program Generasi Penamat - Anti-Rokok (GEGAR-18). Walaupun begitu, masalah merokok di negara ini masih amat ketara.

Sejumlah 21.8 peratus penduduk negara ini dikesan merokok dan jumlah itu dianggap masih tinggi berbanding negara maju seperti United Kingdom (19.2 peratus), Kanada (17.5 peratus) dan Australia (16.2 peratus).

Angka berkenaan juga menunjukkan Malaysia masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negara jiran seperti Singapura (16.5 peratus) dan Brunei (15.5 peratus).

Dengan catatan prevalen yang tinggi, sudah semestinya peratusan penyakit dan kematian berkaitan akibat merokok juga lebih tinggi dibandingkan negara terabit.

Ibu morbiditi dan mortaliti ini tidak terhenti pada peringkat pesakit sahaja, namun ia satu masalah menyebabkan kerajaan kerugian berbilion-bilion ringgit.

Kos ini diperlukan dalam menampung kos rawatan pesakit berkenaan dan pada masa sama jumlah kos itu dianggarkan berlipat ganda daripada jumlah kutipan cukai rokok.

Sebenarnya ramai menyokong usaha larangan merokok, baik dalam bentuk persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), mahupun secara individu.

Bagaimanapun semuanya terus berdepan dengan pelbagai bentuk cabaran dan rintangan di setiap peringkat. Kuasa besar dalam perniagaan rokok dan hasil tembakau sentiasa kreatif dan tanpa henti berikhtiar membantutkan usaha ini.

Antara ikhtiar popular mereka ialah mengadakan dan mempromosi produk diragui keselamatannya, tetapi diperkenalkan sebagai produk 'kurang bahaya'.

Persepsi berkenaan ditonjolkan sebagai produk 'dapat mengurangkan bahaya' merokok. Inisiatif penyamaran dan putar belit penggunaan perkataan halus dan jinak sebegini, dilihat sedikit sebanyak berupaya memesongkan fokus usaha bebas rokok seperti aspirasi GEGAR-18.

Pemesongan fakta sedemikian berlaku bukan sahaja pada peringkat orang awam, malah didapati berpotensi memberikan impak lebih bahaya dalam kalangan golongan berpengaruh dalam bidang akademik dan profesional.



Dalam lingkungan cerdik pandai berkenaan, program diskusi diadakan menggunakan pelbagai perkataan halus dan lunak seperti keterangkuman, praktikal dan sensibel.

BERSATU SOKONG USAHA LARANGAN MEROKOK

DISKUSI sedemikian jelas mempunyai tujuan meredakan penolakan produk rokok, membolehkan penggunaan dan yang paling melampau mempromosikan produk berkenaan.

Meskipun tercabar dengan perkembangan sebegini, diharapkan semua pihak menyokong usaha larangan merokok untuk tidak luntur semangat, sebaliknya meneruskan usaha di pelbagai peringkat.

Berikut adalah beberapa perkara boleh dilakukan dalam usaha menyokong larangan merokok amnya dan aspirasi program GEGAR-18 khasnya.

Pertama, di premis diwartakan sebagai kawasan larangan merokok contohnya semua premis kerajaan, ketua pentadbiran tertinggi di premis bertanggungjawab berusaha untuk memastikan pelaksanaan larangan merokok di kawasan premis berkenaan.

Antara usaha perlu dipastikan ialah mengadakan papan tanda larangan merokok mencukupi, memberikan peringatan kepada semua penjawat awam di bawah penyeliaan beliau mengenai tindakan tatatertib serius jika mereka melanggar peraturan larangan ini dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya sekiranya ia berlaku.

Ketua jabatan perlu sentiasa turun padang untuk turut

memberikan sokongan terhadap penguatkuasaan berkenaan.

Merokok di premis yang diwartakan sebagai kawasan larangan adalah suatu kesalahan serius. Oleh yang demikian kesungguhan dan sokongan jelas daripada ketua pentadbiran tertinggi premis diperlukan untuk memastikan keberkesanannya.

Sekiranya ketua pentadbiran tertinggi premis tidak melakukan usaha dalam lingkungan munasabah, beliau perlu dilaporkan kepada pihak berkuasa kesihatan dan boleh dikenakan tindakan selaras peruntukan perundangan.

Kedua, pada 1995, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-37 memutuskan dengan jelas merokok adalah haram.

Sehubungan itu, sepatutnya semua premis berkaitan agama Islam, termasuk jabatan dan majlis agama, pusat zakat, masjid, surau malah sekolah agama perlu menjalai fatwa ini dan melaksanakan larang merokok di premis masing-masing.

Walaupun ada beberapa pihak menampakkan usaha, malangnya masih ramai ketua pentadbiran premis berkaitan agama didapati tidak menunjukkan kesungguhan dalam pelaksanaannya.

Ketiga, sebagai pusat pentadbiran negara di mana letaknya kementerian dan sebahagian besar penduduknya ialah penjawat awam, Putrajaya perlu menjadi model bagi

pelaksanaan larangan merokok terbaik.

Analisis jurang perlu dilakukan untuk mengesan isu mungkin belum diberi perhatian serius, contohnya garis panduan larangan merokok di kediaman bertingkat.

Projek rintis selaras tujuan ini boleh diuji di sini dan dinilai keberkesanannya sebelum dilaksanakan pada peringkat nasional. Sistem aduan dan maklum balas mesra pengguna, cepat dan cekap serta selaras

“ Sebenarnya ramai menyokong usaha larangan merokok, baik dalam bentuk persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), mahupun secara individu. ”

kemudahan teknologi komunikasi terkini dapat melonjakkan bantuan penyokong larangan merokok kepada pihak berkuasa kesihatan.

Kesimpulannya, usaha dalam lingkungan perundangan sedia ada masih perlu diteruskan bersungguh-sungguh semua pihak di samping mempercepatkan peruntukan undang-undang berkaitan aspirasi GEGAR-18.

Walaupun usaha ini mungkin lambat membawa hasil, tanggungjawab untuk menyokong larangan merokok perlu disertai dengan komitmen tinggi, tidak putus asa dan perlu diteruskan meskipun berdepan cabaran dan ancaman.

Mencegah kemudaratannya kepada kesihatan diri dan orang awam adalah tanggungjawab semua pihak dan perlu dilakukan sedaya mungkin.

Penulis merupakan Pensyarah Perubatan dan Pakar Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM).

LARANGAN MEROKOK DI PREMIS MAKANAN

Bagi kesalahan yang dilakukan oleh golongan perokok:

Kesalahan pertama:	Kesalahan kedua:
Kompaun sebanyak RM250	Kompaun sebanyak RM250
Pengurangan ditawarkan kepada RM150 jika kompaun dibayar dalam tempoh 1 bulan	
Kesalahan ketiga:	Bagi kesalahan yang dilakukan oleh Tuan Punya Premis:
Kompaun sebanyak RM350	(tiada pengurangan kompaun ditawarkan)
Kesalahan pertama:	Kesalahan kedua:
Kompaun RM250	Kompaun RM250
Kesalahan ketiga:	Kompaun RM350

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

ukk@MOH

Program Santuni Kanak-Kanak usaha murni kerajaan beri perkhidmatan secara terus



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

PROGRAM Santuni Kanak-Kanak dan Komuniti Sub Zon 5 Wilayah Persekutuan Labuan merupakan usaha murni dan platform kerajaan dalam memberi perkhidmatan terus kepada golongan itu.

Pengerusi Perbadanan Labuan, Senator Datuk Bashir Alias berkata usaha pelaksanaan program seperti itu memberi manfaat yang baik kepada masyarakat setempat dalam pelbagai perkhidmatan.

"Saya amat berharap pelbagai program yang dijalankan dalam program pada hari ini akan dapat dimanfaatkan oleh semua warga di Wilayah Persekutuan Labuan.

"Saya ingin menyeru kepada semua agar sama-sama berganding bahu untuk terus memperkasa Keluarga Malaysia dengan pengukuhan elemen kasih sayang dalam keluarga masing-masing dan



FADZILLAH (tengah) menerima saguhati daripada Pengarah JKM Labuan Ansharey (dua dari kiri) pada majlis perasmian program itu pada Sabtu lalu.

menanam tekad dan azam berhubung perkara ini supaya kita hidup dalam aman dan harmoni," katanya semasa merasmikan program itu di Sekolah Antarabangsa Labuan (LIS), pada Sabtu lalu.

Ucapan itu diwakilkan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbandaran Perbadanan Labuan, Fadzillah Mahmud.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Ansharey Matarsad berkata program tersebut antara lain bertujuan untuk memberikan motivasi dan suntikan semangat kepada golongan sasaran agar dapat menjalani kehidupan yang lebih baik dan berkualiti.

"Selain itu ia juga memberikan ruang dan peluang kepada golongan



PENGUNJUNG yang hadir mengambil peluang membuat pemeriksaan saringan kesihatan.

sasaran untuk lebih berwaspadai mengenai kesihatan diri serta kesedaran berkaitan isu jenayah," katanya.

Terdahulu, program itu turut membabitkan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Zon Labuan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan

Keluarga Negara (LPPKN), Pejabat Pembangunan Wanita Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persatuan (MAIWP), Jabatan Penerangan Labuan, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Labuan, Jabatan Agama Islam Labuan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) Labuan dan Yayasan Wilayah Persekutuan. **WK**

WiPers A dan Sukma Sabah Ajuara Bola Tampar Pantai Terbuka UMSKAL 2022

PASUKAN WiPers A dan Sukma Sabah A muncul juara Kejohanan Bola Tampar Pantai Terbuka Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2022 kategori Lelaki dan Wanita yang telah diadakan baru-baru ini.

Di perlawanan akhir, WiPers A mengatasi cabaran rakan sepelatih WiPers B yang dengan memungut mata 17-21, 24-22, 15-12.

Bagi kategori Wanita, pasukan Sukma Sabah A muncul juara selepas menewaskan pasukan VICS dari Labuan dengan memperolehi mata 21-16, 21-17.

Tempat ketiga bersama kategori Lelaki dimenangi Victory (Bomba Malaysia) dan United dari Perak.

Manakala kategori Wanita diraih pasukan Rhinos Sabah dan Eagle B dari Kedah.

Sementara itu, Ketua Sektor Sukan dan Rekreasi UMSKAL, Dr Ahmad Fadly Abdul Rahman mengucapkan terima kasih kepada semua pasukan yang menyertai kejohanan tersebut.

"Ucapan terima kasih juga kepada semua pihak yang membantu menjayakan kejohanan tersebut termasuk para penaja iaitu MAJU Universal Engineering, SKOM, DIP Jaya Enterprise, Multi Unlimited dan Hintati Recycling Sdn Bhd.

Terima kasih juga kepada semua AJK Penganjur yang terdiri

daripada staf dan pelajar UMSKAL sendiri," katanya.

Sebanyak 26 pasukan lelaki dan 10 pasukan wanita termasuk dari Kedah, Perak, WP Kuala Lumpur, Perlis, Sabah, Bomba Malaysia. Wilayah Persekutuan (WP) Labuan selain kelab-kelab dari Sabah dan WP Labuan menyertai kejohanan yang dianjurkan Sektor Sukan dan Rekreasi UMSKAL.

Juara membawa pulang hadiah wang tunai RM500, naib juara RM300 dan ketiga bersama RM100.

Sesi penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pengarah UMSKAL, Profesor Madya Dr Mohamad Rizal Abd Hamid. **WK**

SEMUA pemain lelaki dan wanita bergambar kenangan selepas menyertai Kejohanan Bola Tampar Pantai Terbuka UMSKAL-2022.



BASHIR (tengah) menyampaikan cek replika hadiah utama kepada ketua Kampung Kilan Pulau Akar.

Kampung Kilan Pulau Akar Johan SHWP 2022

KAMPUNG Kilan Pulau Akar dinobatkan sebagai johan Pertandingan Berculur sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2022 peringkat Labuan dengan meraih hadiah wang tunai RM3,000.

Bagi tempat kedua dan ketiga telah dimenangi oleh Kampung Sungai Bangat dan Kampung Sungai Miri dengan menerima hadiah wang tunai RM1,500 dan RM1,000.

Manakala, Kampung Tanjung Aru dan Kampung Sungai Miri menerima hadiah sagu hati masing-masing sebanyak RM500.

Majlis penyampaian hadiah bagi pertandingan itu disempurnakan oleh Pengerusi Perbadanan Labuan, Senator Datuk Bashir Alias.

Pada majlis yang sama, Bashir turut menyampaikan sumbangan Wang Ehsan Bencana Alam kepada 12 mangsa bencana alam yang berlaku, baru-baru ini.

Bashir berharap dengan bantuan yang disalurkan mampu meringankan beban mereka yang terjejas susulan bencana alam itu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail. **WK**

PERADUAN MEWARNA PM177

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:

.....
.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM177".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 20 OGOS 2022.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 179.

3 PENYERTAAN TERBAIK
PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.


BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:
YAYASAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN**KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 175**

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM175 daripada akhbar Wilayahku Edisi 175:

NURUL AMNI HUMAIRA' MOHD AMIER
(10 tahun)
Kampung Pandan, Kuala Lumpur

HAQEEMI HAZIQ ABDUL HALIM
(11 tahun)
Sungai Besar, Selangor

PUTERI NABILLA SHAMSUDDIN
(8 tahun)
Presint 8, Putrajaya



Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK175 daripada akhbar Wilayahku Edisi 175:

ABDUL MALIK SAID
(46 tahun)
Dengkil, Selangor

SITI MARIA SULAIMAN
(29 tahun)
Presint 16, Putrajaya


MOHD FAUZI LATIFF
(34 tahun)
Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur

**MELINTANG**

1. Tarian/tandak
5. Alat tulis
7. Nombor pengenalan diri
8. Terlalu dimanjakan
9. Membandat tangan patah
11. Bahan daripada tembakau
12. Akta Universiti & Kolej Universiti
13. Perusahaan

KE BAWAH

1. Nama baik
2. Yang
3. Menjalami perasaan
4. Lahir di zaman yang sama
6. Bodek
10. Perjanjian

TEKA SILANG KATA SK177

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....
.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK177".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 20 OGOS 2022.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 179.

3 PENYERTAAN PALING TEPAT DAN
TERAWAL PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.

BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:
YAYASAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN**BaKaT CiLiK**

Hantarkan video bakat anda
anda yang berumur 14 tahun
ke bawah tidak kira berbentuk
nyanyian, bercerita, bersajak,
berlakon atau sebagainya.
Peserta yang terpilih akan
dipanggil untuk uji bakat dan
berpeluang untuk menyertai
kumpulan produksi
WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak
lebih 3 minit.

E-melkan kepada:
wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali
NAMA PENUH, UMUR,
ALAMAT dan NO.
TELEFON IBU/BAPA.



DEEL ANJER

BERMULA sekadar suka-suka, namun kini hobi berenang bertukar menjadi sumber pendapatan bagi Khairunnisa Ma'at. Menariknya, dia kini menjadi jurulatih menerusi syarikat renang miliknya, Mermaid Splash Academy.

Kongsinya kepada *Wilayahku*, pada permulaannya, ia hanya hobi namun tidak sangka ramai yang suka melihat caranya berenang dan meminta dia menjadi tenaga pengajar.

"Mereka mahu saya jadi cikgu kerana suka melihat kemahiran renang saya. Waktu itu, saya tak berani nak ajar kerana berenang ini berkait rapat dengan soal keselamatan. Hobi dan ajar berenang adalah dua perkara yang sangat berbeza."

"Dari situ saya sahut cabaran dengan mengambil kelas untuk mengajar dan akhirnya berjaya mendapatkan lesen. Maka berkembanglah kepada pembukaan syarikat sendiri," ujarnya yang sudah tujuh tahun menganjurkan kelas renang.

Katanya, apabila dijadikan kerja, ia lebih kepada tanggungjawab untuk memberikan yang terbaik. Malah, pelajarnya makin bertambah bukan sahaja dalam kalangan warga tempatan tetapi bukan warganegara turut mengambil kelas renang di bawahnya.

"Bila dah semakin berkembang, banyak cabaran yang timbul antaranya masalah komunikasi antara warga asing kerana mereka kurang fasih bahasa Inggeris dan hanya mengetahui bahasa ibunda mereka sahaja."

"Namun, mujurlah kebanyakannya menggunakan khidmat pembantu peribadi untuk menguruskan sesi kelas

renang," ujarnya yang mengambil pelajar seawal umur bayi hingga dewasa.

Bercerita lanjut tentang keistimewaan Mermaid Splash Academy, Khairunnisa meluahkan rasa syukur apabila khidmatnya semakin diperlukan sehingga tidak menang tangan.

"Alhamdulillah, saya juga seperti orang lain bermula dari bawah. Dugaan dan cabaran yang dilalui membuatkan saya matang dan tahu apa yang terbaik buat pelajar," ujarnya.

Katanya lagi, di akademi miliknya itu, dia akan mengajar asas sehingga ke peringkat tinggi dan menekankan ciri-ciri keselamatan kerana bukan semua kelas renang mengajar tentangnya. Pendek kata, daripada takut air kepada suka air.

"Apabila pelajar sudah 'khatam' tentang keselamatan dalam air, barulah diberikan pendedahan. Dari segi perkhidmatan pula, kami akan ke kediaman mereka atau mereka datang ke tempat kami. Janji ada kolam," ujar usahawan muda ini tentang kerjaya tetapnya itu.

JANGAN SIA-SIAKAN HOBI

TURUT menitipkan pesan kepada golongan muda, Khairunnisa berkata ramai anak muda yang mempunyai hobi menarik yang boleh dijadikan sumber pendapatan namun, ia tidak disusuli dengan usaha yang bersungguh-sungguh.

"Kadang-kadang hobi yang mereka lakukan sekadar untuk mengisi masa lapang dan ikut trend sahaja. Jadi hobi



mereka akan berubah-ubah. Misalnya, tiga bulan hobi berbasikal, kemudian bila dah bosan, mereka tukar hobi lain pula.

"Kalau mereka fokus *insya-Allah* boleh dijadikan kerjaya. Misalnya ramai yang suka memancing, mungkin mereka boleh jual peralatan memancing atau konten memancing untuk YouTube. Saya tengok hobi tersebut banyak pengikut. Usahakannya," ujarnya.

Dalam masa yang sama, dia juga menggalakkan anak-anak muda agar melakukan dua pekerjaan dalam satu masa.

"Setiap hobi pasti boleh dikembangkan menjadi bisnes. Tinggal lagi kita kena rajin usaha. Kalau yang dah ada kerjaya anda boleh juga buat kerja sampingan untuk tambah pendapatan lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ini," ujarnya.

Bagi yang berminat untuk belajar renang, boleh hubungi talian **011-1181 8377** atau layari [@mermaid_splash_academy">Instagram @mermaid_splash_academy](https://Instagram)

REAKSI

"BERENANG ini bukan hanya sukan, tetapi ia penting untuk keselamatan anak saya. Tambah pula sekarang, kita masih dibenarkan bercuti COVID-19 jadi saya tidaklah terlalu bimbang apabila Alya pandai berenang."

"Cikgu Nisa bukan sahaja ajar supaya cepat pandai berenang, tetapi dia buat Alya sukakan aktiviti renang itu sendiri. Dia bagi mainan, dia buat macam-macam aktiviti menarik. Jadi Alya *enjoy* setiap sesi."

"Iyalah, sesetengah budak masuk kelas renang tak *enjoy* kerana rasa terpaksa atau mak suruh. Lain pula Alya yang kadang-kadang tak puas hati kalau kelas renang batal. Nampak sangat dia suka."

DR IRINA ISHAK
Ibu pelajar



Lebih 10,000 edible plants warnai Laman PPj @ MAHA 2022



SABRINA SABRE

BERKONSEPAN English dan Edible Garden, lebih 10,000 spesies tanaman pokok dan bunga eksotik dan boleh dimakan (edible plants) mewarnai Laman Perbadanan Putrajaya @ MAHA 2022 yang berlangsung di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) bermula 4 Ogos hingga 14 Ogos 2022.

Menurut Pengarah Bahagian Hortikultur Dan Pertanian Bandar Perbadanan Putrajaya (PPj), **Mustafa Kamal Ismail**, pameran di laman berkenaan memperkenalkan lebih daripada 30 spesis tumbuhan dengan himpunan kuntum bunga yang berwarna-warni tumbuhan *annuals*, tanaman renek berbunga dan *edible plants*.

"Menariknya, English Garden dengan gabungan elemen Smart Education ini turut menyalurkan informasi tanaman seperti nama saintifik, kegunaan dan khasiat tumbuhan yang boleh diakses melalui label kod QR yang telah disediakan."

"Elemen pendidikan seumpama ini sudah tentu dapat menambahkan ilmu dan menarik minat pengunjung yang hadir ke Laman Perbadanan Putrajaya untuk mengetahui jenis-jenis tumbuhan dan bunga yang ada," katanya ketika ditemui



MUSTAFA menunjukkan antara tanaman yang dipamerkan di Laman PPj @ MAHA 2022.

Wilayahku baru-baru ini.

Mustafa berkata English Garden yang dihasilkan dengan elemen Edible Garden itu adalah selaras dengan tema Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 iaitu Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan.

Dalam pada itu, pembinaan landskap yang mendapat kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Wilayah Persekutuan, Perbadanan Putrajaya dan Pos Malaysia ini turut menampilkan elemen fauna, termasuk penggunaan kira-kira 300 rama-rama serta alunan pancuran

air.

"Laman Perbadanan Putrajaya berkeluasan kira-kira 0.2 hektar ini turut menggunakan elemen kolam buatan, pancuran air, pagar, gerbang arca dan kerusi taman untuk melengkapkan Tanaman Hiasan Semusim serta pokok juniper di English Garden bagi memberikan pesona seakan Hyde Park, London," katanya.

Mustafa turut memaklumkan Laman Perbadanan Putrajaya @ MAHA 2022 merupakan salah satu strategi untuk mempromosikan Festival Royal Floria Diraja Putrajaya yang akan berlangsung bermula 29

Ogos sehingga 4 September ini.

"Untuk edisi 2022 ini, Floria Diraja akan diadakan di tapak kekal acara iaitu di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya yang mempunyai keluasan 29 ekar. Anjung Floria kini telah ditransformasikan sebagai sebuah kawasan bertaman sepanjang tahun dengan pelbagai komponen menarik seperti Taman Persahabatan Malaysia-China, Taman Fantasi, Bustan Inggeris dan Persisiran Heliconia."

"Selepas habis MAHA 2022, kita akan terus bawa semua tumbuhan dan bunga di sini ke tapak Festival Royal Floria Diraja Putrajaya.

AIH Putrajaya 2022 dibuka, hadiah RM21,900 menanti

PIHAK Perbadanan Putrajaya (PPj) menjemput semua penduduk, institusi awam dan swasta di Putrajaya untuk menyertai Anugerah Inisiatif Hijau (AIH) Putrajaya 2022 yang akan berlangsung bermula 15 Julai hingga 30 Ogos ini.

Terdapat tiga kategori yang akan dipertandingkan sempena AIH Putrajaya 2022 iaitu Penjimatkan Elektrik, Penjimatkan Air dan Pengurangan Sisa Pepejal.

Para peserta dikehendaki mengemukakan semua dokumen penyertaan melalui link *Google Forms* yang disediakan. Penyertaan adalah percuma.

Untuk maklumat lanjut, anda boleh menghantar e-mel kepada Seksyen Bandar Hijau Putrajaya di wangtw@ppj.gov.my (TP Wang Tze Wee), ahmad.helmi@ppj.gov.my (Ahmad Helmi Abu) dan mohammad.fahri@ppj.gov.my



Royal FLORIA PUTRAJAYA

2022

**'FLORIA HEBAT,
Orkid'**

**FESTIVAL BUNGA & TAMAN
FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA**

Tarikh
29 OGOS 2022 - 4 SEPTEMBER 2022

Masa
9.00 AM - 10.00 PM

Tempat
ANJUNG FLORIA, PRESINT 4, PUTRAJAYA

IMBAS SINI
Sila Imbas Kod QR Bagi Pembelian Tiket Secara Atas Talian

03 8887 7136

putrajaya **putrajayacorp** **perbadananputrajaya** **Anjung Floria Putrajaya**

Jadikan SUKMA landasan ke peringkat kebangsaan

Putri Arissa lincah di padang

SABRINA SABRE

BARU berusia 22 tahun namun atlet bola sepak wanita, Putri Arissa Balqis Ab Llah, dilihat memiliki potensi tinggi dan boleh digilap menjadi pelapis seterusnya dapat menyinari dunia bola sepak suatu hari nanti.

Berkongsi pengalaman paling manis dalam hidupnya, Putri Arissa berkata saat dirinya terpilih untuk memasuki Sekolah Sukan Selangor, Shah Alam pada tahun 2016 sentiasa terpahat dalam ingatannya.

"Banyak ilmu yang saya timba semasa berada di sana. Saya nampak perbezaan yang ketara dari segi latihan. Misalnya, kami diberi latihan sama seperti atlet profesional yang berada di luar sana."

"Bagi saya, itu yang sepatutnya diterapkan untuk generasi muda di Malaysia supaya mereka lebih serius untuk bergelar pemain bola sepak



profesional suatu hari nanti," katanya kepada *Wilayahku*.

Ditanya pandangan tentang industri bola sepak wanita di Malaysia, atlet muda ini berkata ia semakin berkembang maju malah dari segi pembangunan bola sepak itu sendiri jauh ke hadapan berbanding sebelum ini.

"Kalau kita lihat jauh kehadapan, ia bukan sukan semata-mata tetapi ia juga mampu melonjakkan ekonomi seperti di Sepanyol, industri bola sepak mencatat keuntungan lebih RM9 bilion ringgit setahun."

"Jadi, sebagai pemain saya akan memberikan komitmen dan fokus utama adalah untuk terus konsisten memperoleh keputusan terbaik bagi melayakkan diri sehingga ke peringkat antarabangsa," ujar pemain posisi pertahanan ini.

Biarpun bergelar atlet profesional, namun Putri Arissa sedia untuk terus menimba ilmu sebanyak yang



PUTRI (tengah) ketika beraksi menentang tim Pulau Pinang dalam kejohanan Sukma 2018.

boleh.

"Saya bersyukur kerana berpeluang menjadi atlet sejak usia muda lagi. Jadi, secara tidak langsung proses pembelajaran itu panjang. Saya yakin banyak yang

dapat saya pelajari sepanjang perjalanan ini."

"Kalu boleh, saya juga ingin berpeluang untuk berlatih atau mengikuti kejohanan yang lebih banyak di luar negara. Sekurang-

Pencapaian Putri Arissa Balqis

2022 - AFC Womens Championship Philippines

2019 - Piala Tun Sharifah Rodziah - Naib Johan

2018 - Sukan Malaysia (Sukma) - Johan

2018 - AFC U19 Qualifier Hanoi Vietnam

kurangnya dapat menjalani latihan dengan kadar intensiti tinggi serta dalam kawasan latihan berbeza," ujar anak kelahiran Kuala Lumpur ini.

Memandang jauh ke hadapan, atlet bola sepak wanita negara ini bercita-cita untuk bergelar seorang Ketua Pegawai Kewangan (CFO) di Malaysia suatu hari nanti.

"Sekarang saya sedang menyambung pengajian dalam bidang kewangan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam. Walaupun sudah bergelar CFO nanti, saya akan tetap aktif dalam bidang sukan," ujar anak keempat daripada enam orang adik-beradik ini. **WK**

PPR Taman Mulia ungguli Kejohanan DBKL Home Cup 2022

PASUKAN bola sepak Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Mulia berjaya merangkul gelaran juara dalam Kejohanan Bola Sepak Antara PPR dan Perumahan Awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Home Cup 2022.

Pasukan berkenaan mencatatkan kempen angan selepas berjaya menundukkan pasukan PPR Seri Malaysia 2-1 dalam perlwanan akhir yang berlangsung di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur pada Sabtu sekali gus menjadikannya pasukan pertama yang menjuarai kejohanan sulung tersebut dan membawa pulang piala pusingan serta hadiah wang tunai RM5,000.

Dalam perlwanan tersebut,



MAHADI

kedua-dua pasukan mempamerkan corak perlawanan yang seimbang, namun serangan daripada pasukan PPR Taman Mulia nyata lebih berbisa dan menyebabkan PPR Seri Malaysia terpaksa berpuas hati sebagai naib juara dengan meraih hadiah wang tunai RM3,000.

Kejohanan yang bermula pada 16 Julai lalu melibatkan penyertaan sebanyak 26 pasukan dari PPR dan PA seluruh Kuala Lumpur dan perlwanan dilaksanakan secara liga. Lapan pasukan terbaik dipilih bertanding ke peringkat suku akhir dan tempat ketiga dimenangi oleh PPR Batu Muda dan PPR Pantai Ria masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1,000.



PASUKAN PPR Taman Mulia meraikan kemenangan sejurus tamat perlwanan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata kejohanan tersebut bertujuan menghidupkan aktiviti sukan

di kawasan PPR dan PA selain menjadi medium penduduk me-

nonjolkan bakat dalam permainan bola sepak untuk diketengahkan ke peringkat lebih tinggi.

"Kejohanan ini juga boleh mengerakkan penduduk di dalam kawasan tersebut dan ini boleh menguatkan kesatuan dalam kalangan penduduk.

"Sokongan yang ditunjukkan oleh kedua-kedua pasukan ini boleh diterjemahkan dalam aktiviti kemasyarakatan agar semangat kekitan dapat dipupuk dalam kalangan masyarakat dan dapat mewujudkan kesejahteraan di kawasan PPR dan PA," katanya ketika ditemui pemberita selepas perlwanan akhir pada Sabtu.

Hadir sama, Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Kamaruddin Jaafar yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak dan Pengurus SW Corp, Datuk Rizalman Mokhtar. **WK**



PESERTA YWP Media giat jalani latihan petanque di padang Presint 5, Putrajaya.

PESAYA 2022: Peserta YWP giat jalani latihan petanque

DIANA AMIR

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) bersama anak-anak syarikat kini giat menjalani latihan sempena Pesta Sukan Antara Yayasan Negeri SeMalaysia (PESAYA) 2022 yang bakal diadakan di Sarawak pada November ini.

Peserta kini sedang berusaha gigih mempamerkan aksi terbaik untuk memastikan nama disenarai pendek ketika sesi pemilihan pemain yang akan dijalankan pada pertengahan Ogos ini.

Menurut Jurulatih Program Bakat Sukan Wilayah (BSW), Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan Jurulatih Persatuan Petanque Wilayah

Persekutuan Putrajaya, Shaiful Nizam Shahrin, persediaan dari segi mental, fizikal dan rohani penting bagi sukan petanque.

"Bagi seseorang atlet, mereka perlu menetapkan sasaran untuk sebarang kejohanan yang disertai supaya kita punya misi untuk pergi bertanding," ujarnya yang merupakan jurulatih bagi peserta dari YWP Media Sdn Bhd.

Namun begitu, bagi mereka yang baru pertama kali mencuba sukan petanque, beberapa perkara perlu dititikberatkan antaranya mesti mempunyai minat, bukan paksaan serta disiplin yang tinggi.

"Komitmen dalam melakukan latihan memainkan peranan. Sekiranya

pemain baharu tersebut melakukan latihan setiap hari tanpa henti berdasarkan periodisasi latihan, ia boleh mengambil masa antara enam bulan hingga satu tahun untuk mahir," katanya yang memiliki tujuh tahun pengalaman sebagai jurulatih petanque.

Mengulas berkenaan prestasi semasa pasukan YWP Media Sdn Bhd yang berlatih di bawahnya, Shaiful percaya mereka mampu memberi saingan sensitif kepada pihak lawan.

"Meskipun semuanya pemain baharu namun mereka cepat belajar dan mempunyai minat yang tinggi dalam acara sukan ini dan saya yakin berpotensi menyumbang pingat di PESAYA kelak," katanya. **WK**



SHAIFUL



►23

Inisiatif Baiti Jannati tawar kediaman percuma untuk golongan asnaf

Air mata warga emas terima rumah

HAZIRAH HALIM

TIADA kata yang dapat diungkapkan selain mengalirkan airmata kesyukuran apabila hasrat untuk memiliki kediaman sendiri akhirnya tercapai.

Menerusi Program Baiti Jannati, warga emas, Sellayee@valu A/P Arumugam, 77, sama sekali tidak menyangka bahawa rumah yang didiami bersama seorang anak dan dua orang cucunya selama belasan tahun itu akhirnya menjadi milik sendiri.

Sellayee berkata pemberian surat tawaran dan perjanjian jual beli rumah ini adalah pengubat kesakitan dan kesusahan yang dialami mereka sekeluarga serta turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantunya selama ini.

"Saya bersyukur di atas bantuan ini dan ingin berterima kasih kepada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) kerana menghadiahkan rumah ini untuk saya dan keluarga."

"Terima kasih juga buat salah seorang Pegawai Pelawat Perumahan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Tun Razak, Jabatan Pembangunan Komuniti



MOHAMMED Jibril (tiga dari kiri) menunjukkan surat tawaran rumah yang diterimanya daripada Datuk Rizalman Mokhtar (dua dari kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun (dua dari kiri) ketika sesi penyerahan tersebut, pada Rabu lalu.

dan Kesejahteraan Bandar iaitu Azura Mohd Syarif kerana beliau adalah individu yang membantu saya dalam menguruskan segala dokumen berkaitan sehingga mampu memiliki rumah ini," katanya kepada pemberita selepas Sesi Penyerahan Surat Tawaran dan Tandatangan Perjanjian Jual Beli Rumah, Penerima Program Baiti Jannati di PPR Desa Tun Razak Rabu lalu.

Menceritakan kisahnya, Sellayee berkata beliau sama sekali tidak percaya bakal diberikan rumah dan menganggap itu hanyalah sekadar mimpi.

"Sudah pasti susah nak terima apabila bakal mendapat rumah tanpa mengeluarkan wang. Apabila pegawai tersebut bersungguh-sungguh meyakinkan, maka saya menganggap ia merupakan hadiah istimewa buat anak dan cucu yang telah bersusah-payah menjaga saya dengan baik selama ini," katanya.

Dalam pada itu, Sellayee turut berharap agar anaknya, Muhammed Jibril Abdullah, 35, bekas banduan dapat dibantu untuk mendapatkan pekerjaan tetap suatu hari nanti.

"Selepas keluar daripada penjara, dia tidak mendapat kerja



SELLAYEE (duduk) menandatangani surat perjanjian jual beli rumah yang diterimanya menerusi program Baiti Jannati, Rabu lalu.

tetap sebaliknya hanya melakukan kerja sambilan seperti kerja pembersihan, membentulkan paip dan sebagainya.

"Saya harap sangat ada pihak yang dapat membantu memberi peluang pekerjaan kepadanya kerana apabila mendapat pekerjaan dia bolehlah membantu membayar bil-bil tertunggak selain menambah sedikit wang perbelanjaan," katanya yang turut mendapat sumbangan kelengkapan rumah daripada YWP seperti set katil, langsir, peti ais, mesin basuh dan periuk nasi.

Sumbangan telah disampaikan oleh Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Perumahan Wilayah

Persekutuan (SPWP) merangkap Pengurus SW Corp, Datuk Rizalman Mokhtar, Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun dan wakil Jabatan Perumahan DBKL.

Program Baiti Jannati merupakan inisiatif KWP dalam membantu warga Wilayah Persekutuan yang terdiri daripada golongan asnaf untuk memiliki kediaman sendiri.

Sehingga tahun ini, YWP dengan peruntukan KWP telah membantu pembelian lapan unit rumah PPR/Perumahan Awam (PA) kepada penghuni yang layak dengan kos sebanyak RM400,000. **WK**

Isu letak vape pada mulut bayi, Haiza kecewa

DEEL ANJER

TULAR video berdurasi 16 saat seorang lelaki meletakkan vape di mulut bayi sambil ketawa kecil, baru-baru ini.

Lebih menjengkelkan, turut kedengaran suara seorang wanita seolah-olah terhibur dengan tindakan lelaki terbabit.

Selain menerima pelbagai reaksi daripada netizen, penyanyi Haiza atau nama sebenarnya Rohaizah Nordin, 42, mengaku kurang senang dengan perbuatan lelaki tersebut.

Berkenaan isu tersebut, lelaki itu sudah menjelaskan bayi itu bukan anak dia. Itu sudah nampak kesalahan dia sebab melibatkan anak orang lain.

"Bukan itu sahaja, apabila dia cakap itu hanya vape kosong tetapi salah juga sebab dia beri pada bayi yang mana kita ada akta itu," katanya.



VIDEO tular yang mendapat kecaman baru-baru ini.

yang melindungi kanak-kanak. Jadi dia sudah melanggar akta itu," katanya.

Bagi Haiza, perbuatan lelaki tersebut agak keterlaluan kerana menggunakan bayi semata-mata

mahu mencipta konten dalam media sosial.

"Apa yang dilakukannya adalah tidak sesuai yang boleh mengibarkan dan mendatangkan kemudaratian.

"Itu yang membuat masyarakat berang. Kemudian diselang seli dengan gelak ketawa pula dari orang sekeliling dan seorang individu perempuan. Saya sebagai seorang ibu memang tak boleh terima apa yang mereka lakukan.

"Kanak-kanak berumur 10 tahun ke atas cuba-cuba nak hisap vape pun saya bengang dan marah, apatah lagi guna bayi sebagai konten yang mengarut. Memang tak sesuai langsung," ujarnya lagi.

Haiza juga berharap ibu bapa di luar sana peka dan tidak 'memperalatkan' bayi mereka demi meraih perhatian. **WK**



HAIZA